

## **Teknologi Hijau (2011 – 2013):**

### **Borneo Post:**

#### **K'jaan sedia pelbagai insentif kepada pemilik bangunan hijau**

November 22, 2013, Friday

KUALA LUMPUR: Pelbagai insentif ditawarkan kepada pemilik bangunan hijau yang telah mendapat persijilan penuh Green Building Index (GBI) termasuk pengecualian cukai 100 peratus terhadap perbelanjaan modal. Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata pemilik premis berstatus GBI juga layak mendapat pengecualian duti setem bagi pendaftaran bangunan berkenaan. “Pengecualian cukai ini boleh dimohon terus kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri semasa penyerahan maklumat mengenai pendapatan tahunan bagi tahun taksiran. “Namun, pengecualian ini adalah tertakluk kepada persijilan penuh GBI yang pertama bagi bangunan berkenaan,” katanya ketika menjawab soalan Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (PAS-Parit Buntar) dalam persidangan Dewan Rakyat di sini, semalam.

Mujahid ingin tahu insentif yang diberikan oleh kerajaan bagi mewujudkan bangunan hijau di premis perniagaan. Beliau berkata sehingga kini sebanyak 15 daripada 144 buah bangunan telah mendapat persijilan awal GBI. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/11/22/kjaan-sedia-pelbagai-insentif-kepada-pemilik-bangunan-hijau/#ixzz3oLSO9Q22>

## Bangunan Konservasi Balai Seni Lukis bakal siap Mac 2012

December 7, 2011, Wednesday RUZAINI ZULKIFLI, ruzainiUB@gmail.com



LAWAT... Masidi melakukan tinjauan ke atas pembinaan Bangunan Konservasi Balai Seni Lukis di Batu 2, Jalan Penampang kelmarin.

KOTA KINABALU: Pembinaan Bangunan Konservasi Balai Seni Lukis yang bakal mencatat sejarah negara mengetengahkan konsep mesra alam kini hampir 75 peratus siap dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2012. Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun berkata bangunan kerajaan yang menelan belanja lebih RM15 juta itu sedikit tergendala dari jadual asal ekoran terdapat masalah yang sukar dielakkan seperti faktor meteorologi dan peningkatan kadar hujan lebat dalam dua tahun kebelakangan ini. "Saya difahamkan bangunan ini hampir 75 peratus siap namun demikian terpaksa menghadapi masalah penangguhan selama tiga bulan kerana masalah cuaca tetapi ia dapat diatasi oleh kontraktor yang dilantik," katanya.

Katanya, pihak kementerian telah membuat persediaan awal bagi menjadikan bangunan berkenaan yang pertama menepati piawaian Indeks Bangunan Hijau (GBI). "Bagi menepati syarat dan piawaian GBI, pelbagai perkara harus dilalui kerana kontraktor perlu membina bangunan yang dapat memberi kebaikan kepada pelbagai pihak," katanya.

Berlokasikan di Batu 2, Jalan Penampang, berhampiran Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negeri, bangunan itu merupakan milik kerajaan dengan menggunakan tenaga solar sebagai bekalan kuasa dan dikatakan mampu menjimatkan kos. "Saya difahamkan bahawa selain menggunakan kuasa solar, reka bentuk dalaman juga memperlihatkan budaya tempatan dengan penekanan kepada tradisi beberapa suku kaum di negeri ini. "Dengan adanya Balai Seni ini kelak, ia dapat mempamerkan kekayaan khazanah lukisan yang ada di negeri ini," katanya.

Mengulas lanjut, Masidi berkata rekaan bangunan berbentuk 'Bohuman' atau piramid terbalik turut melambangkan kebudayaan tempatan dan memperlihatkan budaya masyarakat tempatan selain menarik perhatian ramai. "Rekaan ini adalah pendekatan baru mengikut kebudayaan yang ada di

negeri ini. Apabila bangunan ini siap kelak, ia bakal menempatkan kira-kira 3,000 koleksi seni lukisan di seluruh negeri,” tambahnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media setelah meninjau kawasan pembinaan bangunan berkenaan di sini kelmarin. Turut mengiringi beliau ialah Pengerusi Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS), Datuk Wences Anggang dan Pengurus Besar LKNS, Datu Rosmadi Datu Sulai. Dalam pada itu, Masidi menggalakkan kontraktor tempatan untuk lebih terbuka dalam menggunakan pendekatan baru membina bangunan bercirikan tradisi atau budaya di sini. “Secara tidak langsung ia akan memberi penerangan jelas akan budaya di negeri Sabah khasnya kepada pengunjung dan pelancong luar,” katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/12/07/bangunan-konservasi-balai-seni-lukis-bakal-siap-mac-2012-latest/#ixzz3oLFBXq7e>

## **Kerajaan yakin kurang karbon dioksida 40 peratus**

June 19, 2012, Tuesday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yakin negara akan mampu mencapai sasaran pengurangan intensiti karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020. Menteri, Datuk Seri Peter Chin memberitahu bahawa langkah kesedaran dan pelbagai program ke arah usaha mengamalkan penggunaan teknologi hijau bukan sahaja diterima oleh setiap lapisan rakyat di negara ini, malah turut mendapat sokongan syarikat swasta, kilang dan para pemaju.

“Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan pelepasan CO<sub>2</sub> ke ruang udara negara kita sehingga 40 peratus menjelang 2020. Walaupun hanya tinggal lapan tahun lagi, namun saya yakin kita mampu mencapainya. “Kementerian ini akan menggunakan semua sumber dan program yang ada dengan kerjasama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang akan bertindak sebagai pengumpul data. Kita di atas landasan yang tepat ke arah usaha tersebut,” ujarnya.

Chin berkata demikian kepada pemberita di sini pada sidang akhbar selepas merasmikan Program 1Hijau 1Komuniti dan majlis pelancaran Jelajah Teknologi Hijau di sini, semalam. “Semua lapisan masyarakat terutama generasi muda yang akan menjadi tonggak negara, bersama-sama kementerian merealisasikan visi kerajaan iaitu mengurangkan intensiti CO<sub>2</sub> di ruang udara kita sebanyak 40 peratus berbanding 2005, ini merupakan langkah besar dalam memastikan kelangsungan hayat bumi kita, khususnya Malaysia,” katanya.

Beliau dalam pada itu melahirkan rasa bangga dan gembira dengan penyertaan syarikat pemaju di negara ini yang semakin positif dalam mengamalkan penggunaan teknologi hijau dalam konsep pembinaan bangunan dan perumahan mereka. “Semakin banyak pemaju kini mengguna pakai Indeks Bangunan Hijau (GBI) dalam membina bangunan, termasuk hotel-hotel, rumah pangsa, flat, kondominium hingga kepada rumah-rumah moden hari ini,” tambahnya.

Terdahulu dalam ucapannya Chin memberitahu bahawa selain daripada syarikat swasta dan kilang, kesedaran dan penglibatan orang awam juga penting khususnya dalam membudayakan amalan

kehidupan hijau, sama ada memulakannya di rumah mahupun di tempat kerja, semasa menjalankan aktiviti harian. “Program Hijau 1Komuniti ini merupakan salah satu inisiatif bagi mempromosikan dan mewujudkan kesedaran kepada masyarakat tentang amalan-amalan teknologi hijau dalam kehidupan seharian. “Saya mahu semua rakyat sedar bahawa sudah menjadi amanah dan tanggungjawab kita untuk menjaga dan memelihara alam sekitar dan memastikan persekitaran hidup yang mapan, selesa dan sihat,” katanya.

Turut hadir Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Noriah Kasnon, Timbalan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (Jaringan Industri dan Masyarakat) Senator Lihan Jok, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Miri (MBM) Lawrence Lai serta ketua-ketua agensi di bawah KeTTHA.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/06/19/kerajaan-yakin-kurang-karbon-dioksida-40-peratus/#ixzz3oLfdKtGf>

### **Karnival 1Hijau 1Komuniti diharap dapat kurangkan karbon dioksida (excerpt from article)**

February 26, 2012, Sunday

Dalam majlis pelancaran berkenaan, Majlis Bandaraya Miri (MBM) turut menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) bersama Malaysian Green Technology Corporation, sebagai sebahagian daripada usaha kementerian untuk mempromosikan teknologi hijau di kalangan masyarakat di sini. MoU berkenaan telah ditandatangani oleh Datuk Bandar MBM Lawrence Lai dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Green Technology Corporation Dr Nazily Mohd Noor.

Terdahulu dalam ucapannya, Chin memberitahu bahawa pelbagai insentif juga telah disediakan bagi menggalakkan sektor swasta mengambil langkah serius untuk mengamalkan aplikasi teknologi hijau dalam urusan kerja seharian. “Pengenalan Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang berjumlah RM1.5 bilion diharap dapat membantu meningkatkan pertumbuhan industri berasaskan teknologi hijau di negara ini. “Manakala, insentif cukai dan pengecualian duti turut diberikan kepada pemaju dan pemilik bangunan yang mendapat rating Green Building Index (GBI), peralatan sistem solar dan pengimporatan kenderaan hybrid. “Selain itu, kementerian turut melaksanakan Program Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (Program SAVE) iaitu pemberian rebat kepada pengguna untuk pembelian peralatan elektrik kegunaan rumah yang cekap tenaga bertaraf lima bintang iaitu peti sejuk dan pendingin hawa kepada pengguna domestik dan chillers untuk sektor komersil,” ujar Chin.

Katanya, Dasar Teknologi Hijau Negara yang telah dilancarkan pada 2009 telah menyediakan blueprint yang menetapkan hala tuju pelaksanaan teknologi hijau negara. Dasar tersebut bertindak sebagai pemacu pertumbuhan baharu ekonomi negara ke arah pembangunan yang mapan dari sudut alam sekitar, ekonomi, sosial serta kecekapan tenaga.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/02/26/karnival-1hijau-1komuniti-diharap-dapat-kurangkan-karbon-dioksida/#ixzz3oMCiISGo>

## Menara Sarawak Energy terima Penarafan Perak GBI

July 12, 2013, Friday

KUCHING: Menara Sarawak Energy semalam menerima anugerah Penarafan Perak Indeks Bangunan Hijau (GBI) dalam kategori Binaan Baharu Bukan Kediaman. Ia merupakan pencapaian membanggakan bagi Sarawak Energy apabila ia muncul sebagai penerima pertama anugerah tersebut di Sarawak dan Sabah. Penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Dr Maximus Ongkili dan ia diterima oleh Ketua Perkhidmatan Korporat Sarawak Energy Aisah Eden di Kuala Lumpur.

Aisah berkata, tindakan Sarawak Energy mengemukakan pensijilan GBI adalah sejajar dengan seruan kerajaan ke arah pembangunan lestari dan menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan hijau. “Penganugerahan GBI merupakan satu bonus kepada kami, atas usaha gigih dan pertimbangan mendalam terhadap rekabentuk, pembinaan dan operasi Menara Sarawak Energy,” katanya dalam satu kenyataan.

GBI merupakan alat penarafan hijau di negara ini untuk bangunan dan bandar, diwujudkan bagi menggalakkan kelestarian dalam suasana binaan dan meningkatkan kesedaran tentang isu alam sekitar di kalangan pemaju, arkitek, jurutera, perancang, pereka, kontraktor selain orang ramai. GBI diberi berdasarkan enam kriteria utama – kecekapan tenaga diberikan 35 markah; kualiti persekitaran dalaman (21); Perancangan dan Pengurusan Tapak Lestari (16); bahan dan sumber (11); kecekapan air (10); dan inovasi (7).

Berpandukan kriteria itu, Panel Penganugerahan GBI memberi 67 daripada 100 markah kepada Sarawak Energy. Aisah berkata lagi, berdasarkan pemarkahan itu, Sarawak Energy akan meningkatkan kualiti dalam beberapa sektor seperti persekitaran dalaman dan kecekapan air. Majlis itu turut dihadiri Pengurus Besar Perkhidmatan Syer Yusri Safri dan Eksekutif Bangunan Sarawak Energy Linggir Agas.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/07/12/menara-sarawak-energy-terima-penarafan-perak-gbi/#ixzz3oMDCoSAa>

## Insentif diberikan bagi yang membina bangunan hijau

June 1, 2011, Wednesday

PUTRAJAYA: Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mahukan lebih banyak bangunan hijau dibina di negara ini memandangkan ia dapat menjimatkan kos serta menjamin kualiti alam sekitar lebih baik. Katanya kerajaan akan meneliti bentuk insentif kepada pihak yang berminat membina rumah dan bangunan berkonsepkan Indeks Bangunan Hijau (GBI) sebagai galakan. “Kita mungkin akan tawarkan insentif pada pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam pembinaan ini supaya lebih ramai lagi terlibat dalam program seperti GBI. “Ciri-ciri reka bentuk dan penggunaan teknologi yang membolehkan penjimatan tenaga sehingga 60 peratus dan penjimatan air sehingga

65 peratus ini seharusnya dijadikan contoh untuk dilaksanakan dalam projek-projek pembangunan negara,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Bangunan Berlian dan sambutan 10 Tahun Penubuhan Suruhanjaya Tenaga di sini semalam.

Turut hadir Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Muhyiddin berkata Bangunan Berlian itu adalah bangunan canggih kerajaan yang mengguna pakai konsep bangunan hijau yang mempunyai penggunaan sumber tenaga dan air yang cekap berbanding bangunan konvensional lain. Bangunan itu juga ditauliahkan sijil Platinum GBI dari Malaysia serta Sijil Platinum “Green Mark” iaitu penarafan bangunan hijau yang digunakan di Singapura.

Ia merupakan bangunan hijau kerajaan yang ketiga selepas bangunan pejabat rendah tenaga (LEO) Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta bangunan pejabat tenaga hijau (GEO) Malaysian Green Technology Corporation. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/06/01/insentif-diberikan-bagi-yang-membina-bangunan-hijau/#ixzz3oMDSy2n5>

## **Sarawak perintis teknologi hijau bangunkan sungai, tasik**

December 9, 2013, Monday

KUCHING: Sarawak muncul sebagai negeri pertama di Malaysia mengguna pakai teknologi hijau dalam usaha membangunkan sungai dan tasik sebagai salah satu tarikan industri pelancongan. Bagi tujuan itu, Kementerian Pelancongan dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS) memperkenalkan dua buah bot berkuasa elektrik yang akan digunakan sebagai teksi air. Menurut Menteri Pelancongan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg, bot bernilai RM170,000 sebuah itu merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan teknologi hijau dari segi pembangunan termasuk pengangkutan.

Bot berkenaan, katanya, bukan sahaja berkuasa elektrik, senyap dan tidak mencemarkan, malah lebih penting mesra alam serta penting untuk mengekalkan kualiti air. “Bot menggunakan teknologi hijau ini merupakan projek perintis yang dikedalikan antara kementerian dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak dalam usaha kita membangunkan sungai dan tasik sebagai salah satu tarikan industri pelancongan. “Bot ini merupakan yang pertama di Malaysia, malah kemudahan jeti yang disediakan turut dilengkapi dengan pengecas kuasa bateri yang hanya mengambil masa dua jam untuk dicaj semula tetapi boleh digunakan untuk tempoh lapan jam,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas membawa media menaiki bot berkenaan dari Tebingan Kuching menuju ke Medan Niaga Satok di sini, semalam. Mengulas lebih lanjut mengenai bot tersebut, Abang Johari berkata ia menggunakan teknologi dan rekaan Amerika Syarikat, tetapi dibangunkan di Australia. Berjenama Duffy, katanya, bot dengan kapasiti lapan hingga 12 penumpang itu masing-masing dinamakan Sri Satok dan Sungai Kuap dan dijangka mula beroperasi dalam tempoh terdekat.

Menurutnya lagi, jika menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai khususnya pelancong, kementerian akan menambah bilangan bot sedia ada menerusi pembabitan sektor swasta termasuk operator perhotelan. "Saya akan menarik pembabitan sektor swasta untuk mendapatkan bot ini, terutamanya operator hotel dan menempatkannya di sepanjang sungai dan tasik, contohnya Hilton Batang Ai. "Dengan cara ini, ia bukan sahaja tidak mencemarkan tasik, malah menggalakkan pertumbuhan habitat semula jadi yang menjadi kekuatan kita dalam ekopelancongan," tambahnya. Dalam pada itu, katanya, kedua-dua bot ini bukan sahaja mesra alam dan mesra pengguna, malah lebih selesa, selamat dan sesuai untuk ria-dah bersama keluarga sambil menikmati keindahan di sepanjang Tebingan Kuching pada waktu siang mahupun malam.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/12/09/sarawak-perintis-teknologi-hijau-bangunan-sungai-tasik/#ixzz3oMG0zkAe>

### **Adaptasi teknologi hijau ke arah selesaian isu alam sekitar (excerpt from article)**

July 26, 2011, Tuesday Agnes Tugong

KUCHING: Golongan jurutera diingatkan supaya mengadaptasi pendekatan teknologi hijau dalam pelaksanaan projek pembangunan berskala besar pada masa kini dan seterusnya. Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud berkata, peranan jurutera-jurutera tidak hanya untuk mencipta dan mempersiapkan projek-projek berskala besar.

Sebaliknya pada masa yang sama tegasnya, usaha perlu di-lakukan bagi mencari penyelesaian ke atas masalah alam sekitar yang dihadapi oleh dunia berpunca daripada projek-projek pembangunan ini. "Pemuliharaan alam sekitar adalah tanggungjawab setiap kita di sini dan saya gembira melihat masyarakat di negara ini mulai biasa dengan perkataan-perkataan seperti kitar semula, tenaga solar, tenaga diperbaharui, teknologi hijau, kelestarian, perlindungan alam sekitar dan sebagainya. "Sarawak dalam pada itu telah dan akan terus mempratikkan pendekatan lestari dalam program pembangunan. "Apa yang pasti, kelestarian adalah fokus utama dalam pelaksanaan pelan-pelan pembangunan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Kongres Kejuruteraan Asian Australia (AAEC) 2011 bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di sini semalam. Hadir sama ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu dan Menteri Muda Alam Sekitar, Datuk Peter Nansian Ngusie.

Tambah Taib, Kerajaan Negeri Sarawak telah melaksanakan pembangunan lestari sejak beberapa tahun yang lalu dalam aspek pembukaan dan pembangunan tanah. Sejak pelaksanaannya, pendekatan ini telah membawa hasil yang positif kepada negeri antaranya, 60 peratus isi rumah di luar bandar telah dibekalkan dengan elektrik dan dijangka mencapai 95 peratus pada tahun depan.

Baru-baru ini pula, kerajaan negeri telah memperkenalkan projek hijau seperti yang terdapat di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) ke arah mencapai status negeri maju pada 2020. "Ketika jurutera diperlukan untuk mencari penyelesaian bagi mengawal alam sekitar, bagi pihak kita pula...kita mesti menjalankan kehidupan yang menyumbang kepada pemuliharaan dan perlindungan bumi," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/07/26/adaptasi-teknologi-hijau-ke-arah-selesaian-isu-alam-sekitar/#ixzz3oMG8uY39>

## Malaysia hab produk teknologi hijau

January 10, 2010, Sunday Steve Annuar

Chin mahu negara bangunkan teknologi hijau untuk rangsang ekonomi

MIRI: Menteri Teknologi, Tenaga Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui mahu Malaysia menjadi hab pengeluaran produk-produk berasaskan teknologi hijau yang diyakini mampu menjana pembangunan ekonomi negara dalam era teknologi kini.

Chin berkata, kebanyakan negara di dunia sudah mula membangunkan teknologi berkenaan kerana ia memberi manfaat besar kepada ekonomi dari segi penjimatan kos penggunaan tenaga yang lebih cekap dan efisien. "Teknologi hijau adalah penting untuk masa depan dunia. Oleh itu, Malaysia perlu sama dengan arus perdana dan tidak boleh ketinggalan," ujarinya pada sidang media di Hotel Grand Palace semalam. Chin berkata, langkah utama kerajaan sekarang ialah mahu menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab perniagaan produk-produk teknologi hijau yang dihasilkan oleh pereka-pereka dari seluruh dunia.

Selain itu, Kuala Lumpur juga akan dijadikan sebagai pusat penganjuran seminar dan persidangan teknologi hijau peringkat antarabangsa. "Kita juga mahu Malaysia mempunyai lokasi khusus di mana pengusaha-pengusaha teknologi hijau akan berkumpul untuk memperkenalkan produk mereka dan berniaga," jelasnya.

Chin memberitahu, penganjuran International Greentech and Eco Products Exhibition and Conference Malaysia (IGEM) – Persidangan dan Pameran Produk-Produk Eko dan Teknologi Hijau Antarabangsa akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di Kuala Lumpur pada 14 hingga 17 Oktober depan. Ia merupakan persidangan IGEM julung kali yang akan dibuat secara besar-besaran di peringkat antarabangsa, ujarinya. "Ini merupakan aktiviti jangka panjang kerajaan. Kita akan menjadikan bulan Oktober sebagai masa untuk membincangkan teknologi ini dan menguatkan kerjasama perniagaan kita," jelasnya.

Selain pameran dan persidangan, Mesyuarat Meja Bulat Menteri-Menteri berkaitan teknologi hijau dan program-program Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam tempatan dengan universiti-universiti luar negara juga diatur. Dalam pada itu, Bandar Raya Miri juga akan menjadi tuan rumah Seminar Kecekapan Tenaga Peringkat Negeri Sarawak pada bulan depan. Dijangkakan seramai 200 peserta menyertai program berkenaan yang terdiri daripada kakitangan kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan Sarawak. Ia bertujuan untuk mendidik serta memberi kesedaran kepada rakyat agar mengamalkan kecekapan tenaga dalam kehidupan seharian.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2010/01/10/malaysia-hab-produk-teknologi-hijau/#ixzz3oMGEUUMI>



## **Kerajaan mahu lebih banyak sekolah aplikasikan teknologi hijau, kata Chin**

March 1, 2011, Tuesday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air ingin melihat lebih banyak sekolah-sekolah di Sarawak diberi peluang untuk mengaplikasikan teknologi hijau pada struktur bangunan masing-masing.

Menterinya, Datuk Sri Peter Chin Fah Kui berkata ia adalah usaha untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelajar Malaysia menghayati teknologi hijau, seterusnya menjadi penyelesaian kepada keperluan guna tenaga. "Cabaran utama dalam mentransformasikan Malaysia sebagai hab Teknologi Hijau di rantau ini tidak hanya terhad dengan penyediaan prasarana dan infrastruktur yang terbaik, tetapi usaha mendidik pengguna terutamanya kanak-kanak," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Sekolah Hijau di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lutong semalam. Kempen itu dilaksanakan bersama oleh Persatuan Pengeluar Tenaga Bebas Malaysia (Penjanabebas) dan Malaysia Building Integrated Photovoltaic (MBIPV), dengan mengguna pakai sistem solar bersepadu photovoltaic (PV).

Chin menambah, adalah penting untuk amalan-amalan hijau dipraktikkan pada usia yang muda kerana ia merupakan satu langkah yang bijak dan inisiatif sedemikian dapat membantu memelihara sumber tenaga semula jadi yang semakin berkurangan. "Namun isu-isu alam sekitar dan keselamatan tenaga memaksa negara untuk menimbang bukan sahaja sumber bahan api fosil tetapi juga sumber tenaga yang lain untuk memenuhi keperluan tenaga elektrik yang semakin meningkat," katanya.

Sehubungan dengan itu katanya, kerajaan telah mengetengahkan agenda Teknologi Hijau sebagai sebahagian daripada pelan transformasi ekonomi negara, selain menjadi penyelesaian kepada keperluan tenaga. Tambahnya, perkara utama yang ingin dicapai adalah untuk mengurangkan kesan negatif bahan api fosil terhadap alam sekitar di samping menjadikan Teknologi Hijau sebagai sebuah industri yang dapat menjana pendapatan negara. "Saya amat menyokong idea penaja projek, Penjanabebas dan MBIPV untuk menganjurkan kempen Sekolah Hijau untuk SMK Lutong di mana sistem PV dengan kapasiti 5 kiloWatt peak (kWp) yang dilihat boleh menjana pendapatan," katanya.

Beliau menyarankan kepada pihak penaja projek untuk memastikan agihan sekolah tidak tertumpu pada sesebuah negeri sahaja bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan tenaga hijau di seluruh negara. Selain SMK Lutong, empat sekolah lain di dalam program ini terdiri daripada SMK St John's di Kuala Lumpur, SMK Bukit Baru di Melaka, SJK (C) San Min di Teluk Intan, Perak dan SJK (T) Sg Renggam di Shah Alam, Selangor.

Kementeriannya juga telah membentangkan Rang Undang-Undang bagi Akta Tenaga Boleh Diperbaharui di Parlimen pada 15 Disember tahun lepas. "Rang undang-undang ini akan menjadi elemen utama bagi menggalakkan penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui di Malaysia apabila mekanisme (Feed-in Tariff) FiT diperkenalkan," ujarnya.

Katanya, di bawah mekanisme ini, bangunan yang mempunyai sistem solar PV yang disambungkan ke grid seperti di sekolah ini, akan dapat menjual tenaga yang dihasilkan oleh panel PV tersebut kepada sistem utiliti. "Langkah ini sudah tentu akan memberi faedah kepada sekolah-sekolah dalam

jangka masa panjang dan ia turut selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penyertaan seluruh rakyat Malaysia untuk menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui,” jelasnya.

Hadir sama ialah Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. George Chan Hong Nam; Pemangku Presiden Penjanabebas, Dr Ong Peng Su, Menteri Muda Komunikasi, Datuk Lee Kim Shin; Ahli Dewan Undangan Negeri Pujut, Andy Chia dan Pengetua SMK Lutong Marcus Hugo.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/03/01/kerajaan-mahu-lebih-banyak-sekolah-aplikasikan-teknologi-hijau-kata-chin/#ixzz3oMGki8l>

## **Kolej Komuniti perlu pelbagai kursus bidang teknologi hijau**

October 8, 2012, Monday

MIRI: Kolej Komuniti disaran mempelbagaikan kursus yang ditawarkan khususnya dalam bidang teknologi hijau bagi melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang tersebut, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui. Beliau berkata, pihak kementerian sudah berbincang dengan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin untuk melihat bagaimana kedua-dua kementerian boleh bekerjasama untuk menumpukan teknologi hijau seterusnya memperkenalkan kursus itu di Kolej Komuniti.

Chin berkata Malaysia sudah pun terlibat dalam teknologi hijau, sebagai contoh penggunaan solar panel. Sistem ini telah pun dipasang di beberapa komuniti pedalaman dan kini dalam proses dipasang di sekolah-sekolah luar bandar di Sabah dan Sarawak yang mana jauh dari grid elektrik. “Walaupun panel solar ini dijual dengan meluas, namun pemasangan panel solar ini memerlukan kemahiran dan kepakaran dalam bidang tersebut. “Kita memerlukan ramai juruteknik dalam bidang ini, justeru mungkin Kolej Komuniti dapat melatih lebih ramai generasi muda dalam bidang berkaitan teknologi hijau,” katanya berucap pada majlis penutupan Karnival Keusahawanan dan Hari Terbuka Kolej Komuniti Miri 2012 di Kolej Komuniti Miri semalam.

Chin yang juga Ahli Parlimen Miri turut menyarankan agar pihak Kolej Komuniti Miri membuat kajian mengenai kursus-kursus ataupun peluang perniagaan lain yang boleh diikuti oleh individu berminat. Dalam konteks ini, Kolej Komuniti Miri boleh bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), pihak bank serta ketua-ketua masyarakat untuk menjayakan inisiatif yang mampu menambah pendapatan kepada mereka yang menceburinya. “Saya juga berharap agar penduduk setempat merebut peluang untuk melibatkan diri dalam mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan. Saya difahamkan yuran penyertaan untuk kursus yang dianjurkan di Kolej Komuniti Miri adalah serendah RM5 sahaja.” “Ini adalah satu peluang yang baik kerana kos yang begitu murah dan adalah sukar untuk diperolehi di tempat lain. Dengan hanya RM5, peserta diberikan sijil apabila tamat kursus dan terbuka kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia. Ini adalah satu peluang yang baik untuk mempelajari sesuatu yang baharu selain mengisi masa lapang,” katanya. Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Amir Md. Noor dan Pengarah Kolej Komuniti Miri, Safie Abdul Rahman.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/10/08/kolej-komuniti-perlu-pelbagai-kursus-bidang-teknologi-hijau/#ixzz3oMGQmXyb>

## **KeTTHA sedia kerjasama Curtin kaji tenaga, teknologi hijau dan air**

September 16, 2012, Sunday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedia menjalin kerjasama dengan Universiti Curtin Sarawak Malaysia (Curtin Sarawak) dalam menjalankan penyelidikan berkaitan tenaga, teknologi hijau dan air. Menterinya, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, malah sebelum ini kementerian amat menyokong Curtin Sarawak dalam penganjuran persidangan antarabangsa dan aktiviti berkaitan lapangan ini. "Kementerian berminat menjadi rakan kongsi kepada Curtin Sarawak sekiranya mereka mahu menjalankan apa-apa penyelidikan berkaitan kementerian. Usaha ini sejajar dengan matlamat kita untuk menangani isu pembangunan masa depan secara mapan dan terurus," katanya berucap merasmikan sambutan Hari Terbuka Curtin Sarawak kali Ke-6 2012 di kampusnya di Senadin semalam.

Katanya, penyelidikan ini dapat membantu usaha kerajaan memelihara alam semula jadi di samping menyeimbangkan pembangunan dan kemajuan tanpa menjejaskan alam sekitar. Dalam pada itu, Chin berkata Curtin Sarawak berjaya meletakkan diri sebagai sebuah pusat akademik yang cemerlang dengan menawarkan kursus yang setaraf dengan kampus induknya di Perth, Australia. "Hasil kerjasama dengan pelbagai industri dan perniagaan, Curtin Sarawak diiktiraf oleh kerajaan dan badan bukan profesional dalam dan luar negara. Dalam tempoh yang sama, Curtin Sarawak turut muncul sebagai salah satu daripada lapan universiti yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia selain menjadi salah sebuah universiti terbaik daripada 18 universiti di seluruh negara."

Chin berharap Curtin Sarawak terus membina reputasi antarabangsa bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa sejajar dengan matlamat Curtin Sarawak untuk menjadi pusat kecemerlangan akademik bertaraf antarabangsa. Mengenai Hari Terbuka Curtin Sarawak 2012 tahun, Chin berharap ia dapat memberi peluang kepada orang awam untuk mengetahui lebih lanjut mengenai peluang pendidikan di Curtin.

Hadir sama Pengerusi Majlis Curtin Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, Pengerusi Lembaga Pengurusan Curtin Sarawak, Datuk Lee Kim Shin, Setiausaha Politik kepada Chin, Datuk Sebastian Ting, Datuk Bandar Miri, Lawrence Lai, Pengerusi Curtin Malaysia Sdn Bhd, Datuk Hatta Solhi dan Pro Naib Canselor dan Ketua Eksekutif Curtin Sarawak, Profesor Ian Kerr. Pada majlis yang sama Chin dan tetamu kehormat yang lain turut menanam pokok bunga.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/09/16/kettha-sedia-kerjasama-curtin-kaji-tenaga-teknologi-hijau-dan-air/#ixzz3oMGUP6qY>

## **GTFS main peranan pembangunan Teknologi Hijau dan Mesra Alam**

June 10, 2011, Friday

KUALA LUMPUR: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berharap pembiayaan untuk keusahawanan mesra alam, melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), akan memainkan peranan dalam meningkatkan aplikasi dan pembangunan teknologi hijau untuk produk dan projek mesra alam.

Ketua Setiausahaanya Datuk Loo Took Gee berkata, GTFS yang diperkenalkan pada 26 Jan tahun lepas bertujuan menarik penyertaan sektor swasta dalam keusahawanan teknologi produk dan projek hijau. Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia) dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pelaksanaan GTFS, kata Loo dalam ucapannya beliau pada Seminar Kebangsaan Mengenai Menggalakkan Pembiayaan Hijau, di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Mothi Sk. Kothandabhany, Setiausaha Bahagian Teknologi Hijau Kementerian. Seminar berkenaan dianjurkan oleh Pusat Kajian Tenaga, Institut Sultan Iskandar dan Universiti Teknologi Malaysia dengan kerjasama Global Event Malaysia.

Loo berkata, skim itu dijangka memberi faedah kepada 140 syarikat menjelang akhir tahun depan. Sehingga 31 Mei, 2011, beliau berkata, GreenTech Malaysia telah memproses 102 permohonan di mana 83 projek memperoleh Sijil Projek Hijau. Sijil berkenaan membolehkan pemohon yang layak mendapatkan bantuan pembiayaan daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian.

Bagaimanapun, daripada 83 projek, hanya 20 berjaya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan yang berjumlah RM326.9 juta dengan sebahagian daripadanya dari sektor tenaga (11), sektor air dan air sisa (lapan) dan satu daripada sektor pengangkutan. "Daripada 20 itu, kita boleh simpulkan bahawa kadar penggunaan pembiayaan daripada institusi kewangan tidak menggalakkan," katanya.

Bagi meningkatkan jumlah projek yang menguntungkan, beliau berkata, GreenTech Malaysian kini mentakrifkan semula proses permohonan dengan memasukkan Pembentangan Kajian Perniagaan. Semua permohonan diberi peluang membentangkan model perniagaan mereka kepada panel bank yang berminat di mana pemohon perlu mengemukakan pelan yang hebat bagi meyakinkan mereka.

Beliau berkata, insentif dalam bentuk pinjaman mudah dengan subsidi faedah dua peratus disediakan oleh institusi kewangan yang menyertainya dengan 60 peratus pinjaman yang dikeluarkan dijamin oleh kerajaan sehingga RM1.5 bilion. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/06/10/gtfs-main-peranan-pembangunan-teknologi-hijau-dan-mesra-alam/#ixzz3oMGXHO2u>

## **Kompos sebagai teknologi hijau**

October 15, 2010, Friday

Pembuatannya dapat mengurangkan bahan buangan di Kuching, Samarahan

BAU: Menteri Muda Alam Sekitar Datuk Peter Nansian mencadangkan pembuatan kompos sebagai teknologi hijau bagi penyelesaian masalah peningkatan bahan buangan di bahagian Kuching dan Samarahan.

Beliau percaya dengan kaedah itu ia dapat mengurangkan jumlah bahan buangan dan sisa makanan dari dapur dan rumah yang dibuang ke tapak pembuangan sampah setiap hari. "Adalah dianggarkan hampir 600 tan bahan buangan dibuang ke tapak pembuangan sampah oleh penduduk dari kawasan Kuching dan Samarahan setiap hari. "Ia merupakan jumlah di-hasilkan oleh 700,000 penduduk di

situ. Daripada jumlah 600 tan sampah, hampir 45 peratus atau 50 peratus adalah bahan buangan makanan dan dapur. “Jika bahan buangan ini dibuat sebagai kompos dan baja, maka kita akan dapat menjimatkan ruang yang begitu banyak dalam tapak pelupusan dan tapak pembuangan kita akan dapat bertahan lebih lama,” katanya.

Nansian, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Tasik Biru berkata demikian semasa merasmikan Kempen Kebersihan, Kempen Anti-Denggi dan Program Kesedaran Local Agenda 21 (LA 21) di Majlis Daerah Bau dekat sini semalam. Beliau berkata pembuatan kompos merupakan satu kaedah teknologi hijau yang boleh dimajukan di negeri ini. Antara contoh-contoh lain teknologi hijau ialah projek mekanisme pembangunan bersih, kitar semula bahan buangan dan kaedah 3R (penggunaan plastik mudah reput, minyak masak terpakai dan rawatan air kumbahan).

Beliau turut mencadangkan kitar semula tayar terpakai bagi mengurangkan pembuangan tayar terpakai di Sarawak. “Dianggarkan 6,000 tan tayar terpakai dibuang setiap tahun di Sarawak dan ia tidak termasuk tayar-tayar terpakai di kawasan projek besar seperti projek Bakun dan sebagainya,” tambahnya. Nansian turut menekankan aspek pengurusan air sungai bagi memastikan bekalan air bersih daripada dicemari oleh bahan kimia, bakteria, lumpur dan pasir akibat daripada aktiviti penanaman secara komersial. “Ada kalangan kita masih bergantung kepada sungai-sungai di sekitar Bau sebagai tapak aktiviti perikanan dan sumber mata pencarian. “Sekiranya ia tercemar, musnahlah tempat bertelur dan membiak hidupan air kita dan sekali gus menjejaskan sumber makanan dan pendapatan kita,” ujarnya. Justeru, beliau berharap agar masyarakat umum bertindak sekarang bagi melindungi alam sekitar dan sumber-sumber asli daripada pencemaran dan kemusnahan.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2010/10/15/kompos-sebagai-teknologi-hijau/#ixzz3oMGeuf50>

## **Kementerian komited bangun teknologi hijau mapan, berterusan: Chin**

July 15, 2012, Sunday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dengan sokongan agensi di bawahnya, Greentech Malaysia komited melancarkan pelbagai program sebagai pemangkin dalam visi membangunkan teknologi hijau yang mapan dan berterusan. Menterinya, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, pelbagai insentif telah diberi serta disediakan bagi menggalakkan sektor swasta mengambil langkah serius untuk mengamalkan aplikasi teknologi hijau dalam urusan kerja seharian mereka.

Beliau berkata, aplikasi teknologi hijau yang mesra alam merupakan satu langkah yang bijak dan inisiatif sedemikian dapat membantu memelihara sumber alam semula jadi terutamanya sumber tenaga yang semakin berkurangan. “Selain itu, kementerian sentiasa menyokong sebarang kerjasama di antara institusi luar negara dan institusi tempatan yang menjalankan kajian ke atas pembangunan teknologi hijau,” katanya berucap semasa perasmian Karnival Komuniti Hijau, ‘1 Hijau 1 Komuniti’ di Pusat Ko-mersil Boulevard di sini, petang semalam.

Ujar Chin, kerajaan amat prihatin terhadap elemen kemusnahan alam sekitar melalui isu pemanasan global, peningkatan gas rumah hijau, penyusutan sumber-sumber semula jadi dan

bencana alam akibat daripada aktiviti masyarakat. “Ini merupakan satu cabaran yang perlu ditangani secara efektif dan kolektif oleh ko-muniti global. Kesedaran dan komitmen daripada masyarakat amat diperlukan melalui program yang dianjurkan oleh kementerian saya,” katanya.

Mengenai karnival semalam, Chin berkata, ia kali ke-dua diadakan di Miri sebagai usaha kementerian mempromosi dan mendidik masyarakat dalam memelihara dan menghargai alam sekitar. “Malah komuniti Miri turut serta dalam aktiviti dan usaha untuk mengamalkan gaya hidup hijau ini. Program dan inisiatif sebegini akan diteruskan pada masa mendatang sebagai salah satu usaha kementerian untuk mengamalkan gaya hidup hijau,” katanya.

Pada majlis sama, Chin yang juga Ahli Parlimen Miri turut melancarkan Program Keluarga Mesra anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Miri dan penyerahan bantuan baik pulih rumah nelayan. Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha Teknologi Hijau dan Air Nor’ Aini Abd Wahab, Datuk Bandar Miri Lawrence Lai, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Greentech Malaysia Ahmad Ismail dan Setiausaha Politik kepada Chin, Datuk Sebastian Ting.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/07/15/kementerian-komited-bangun-teknologi-hijau-mapan-berterusan-chin/#ixzz3oMGiEcVL>

## **Subjek teknologi hijau akan diperkenal dalam sukatan pelajaran**

November 21, 2011, Monday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kini dalam proses bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk memperkenalkan subjek teknologi hijau dalam sukatan pelajaran. Menteri, Datuk Seri Peter Chin berkata, setakat ini kedua-dua kementerian masih mengkaji sama ada untuk melaksanakan sukatan itu di sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Menurut Chin, walaupun sudah ada subjek Alam Manusia, namun teknologi hijau wajar diajar kepada generasi muda untuk mendidik mereka mengenai isu global seperti perubahan suhu dunia dan pelepasan asap. “Usaha menangani kesan pelepasan asap dan gas terhadap alam sekitar amat penting. Dengan adanya subjek ini di sekolah, kita dapat meningkatkan kesedaran di kalangan generasi muda untuk sama-sama melindungi alam sekitar daripada pencemaran,” katanya berucap pada majlis makan malam Persatuan Teknologi dan Kejuruteraan (TEA) Kawasan Utara Sarawak di sebuah hotel di sini, malam kelmarin.

Chin memberitahu, langkah memperkenalkan subjek teknologi hijau secara formal ini diharap dapat melahirkan masyarakat yang dapat menjaga alam sekitar sama ada dalam kehidupan harian atau apabila memasuki alam pekerja nanti. “Kerajaan serius dalam menangani isu berkaitan alam sekitar. Justeru satu daripada cara yang efisien ialah menerusi pendidikan awal di sekolah,” katanya.

Mengenai permohonan peruntukan TEA Cawangan Miri untuk membiayai siri animasi bagi meningkatkan kesedaran generasi mengenai alam sekitar, Chin berkata kementerianya akan mempertimbangkan permintaan tersebut. “Kami akan melihat cara mana untuk menyalurkan peruntukan, walaupun tidak membiayai kesemua 13 siri tersebut, kami mungkin akan beri sebahagian peruntukan,” katanya. Beliau turut memuji TEA Utara Sarawak yang mengambil inisiatif

seumpama ini dalam membantu kerajaan mendidik orang awam betapa pentingnya menjaga alam sekitar.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/21/subjek-teknologi-hijau-akan-diperkenal-dalam-sukatan-pelajaran/#ixzz3oMGsxWEF>

## Malaysia akan menjadi lebih hijau menjelang 2020

February 9, 2013, Saturday Mohd Achil Norrlatep

MIRI: Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, Malaysia bakal menjadi lebih hijau menjelang tahun 2020 dengan menyasarkan 11 peratus penghasilan jumlah kapasiti tenaga daripada sumber tenaga boleh diperbaharui. "Pengurangan sebanyak 40 peratus atau bersamaan dengan sebanyak 42.2 juta tan pelepasan gas karbon dapat dikurangkan pada tahun berkenaan," katanya pada Majlis Perasmian Projek Kempen Sekolah Hijau di Kolej Tun Datu Tuanku Haji Bujang (KTDTHB) di sini, petang kelmarin.

Menurutnya, ia merupakan salah satu daripada polisi tenaga kelima iaitu elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui. Katanya, kesedaran untuk menggantikan tenaga berasaskan fosil seperti minyak, gas dan arang batu untuk penjanaan elektrik kini semakin tinggi. "Semua sumber ini memerlukan kos yang tinggi untuk diperolehi dan akan habis dalam tempoh beberapa dekad akan datang," ujarnya.

Justeru, katanya, kerajaan berharap penghasilan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui terutamanya tenaga suria akan menjadi pilihan kepada pihak industri dan orang ramai pada masa akan datang. Walaupun pemasangan panel suria masih mahal terutamanya untuk rumah-rumah individu, namun kemasukan pelabur untuk membuka kilang panel suria diharap dapat mengurangkan kos dan ia menjadi lebih murah serta mampu dipasang dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang. Selain itu, Chin memberitahu kewujudan kilang-kilang pembuatan panel suria bakal mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan dalam negara.

KTDTHB merupakan salah sebuah sekolah terpilih untuk menjayakan kempen Sekolah Hijau daripada 30 buah sekolah seluruh Malaysia. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lutong, Miri turut dipilih selain SMK St Joseph, Kuching untuk projek yang sama iaitu pemasangan sistem solar.

Pada majlis itu, Chin turut menyampaikan sebanyak 200 biji lampu yang dijana daripada elektrik tenaga solar kepada penghuni sekitar Miri yang belum mempunyai elektrik disambungkan ke rumah mereka. Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha Tenaga, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Badaruddin Mahyudin dan Pengetua KTDTHB Hasimah Abang Zen.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2013/02/09/malaysia-akan-menjadi-lebih-hijau-menjelang-2020/#ixzz3oMHqoYoe>

## Miri perintis bandar rendah karbon

July 16, 2012, Monday

MIRI: Bandar raya Miri dipilih menerajui projek perintis Kerangka Bandar Rendah Karbon (LCCF) dengan pemasangan lampu jimat tenaga elektrik dan mesra alam berteknologi LED (Light Emitting Diode) di taman-taman awam terpilih di sini. Lampu berkenaan akan menghiasi tiga taman utama di sini iaitu Taman Dataran Kipas Miri yang lebih dikenali Miri City Fan di pusat bandar raya, Taman Awam di Jalan Miri Airport dan Taman Bulatan di Piasau yang masing-masing akan dipasang sebanyak 20 unit lampu. Pelaksanaan projek itu terlaksana dengan pemeteraian perjanjian tentang Inisiatif Projek Hijau antara Majlis Bandaraya Miri dan IntraMAS Technology Sdn Bhd.

MBM diwakili oleh Datuk Bandar Lawrence Lai sementara IntraMAS diwakili oleh Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lee Choo Boo. Menteri Tenaga Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin berkata, kajian melibatkan kerjasama antara Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Greentech Technology Corporation Malaysia bagi pihak kerajaan, MBM sebagai agensi pelaksana dan IntraMAS sebagai pengeluar lampu LED. Chin berkata, projek LCCF antara inisiatif terpenting kerajaan untuk mewujudkan komuniti dan persekitaran lestari. "Antara langkah penting dalam mengaplikasikan LCCF ini adalah penggunaan teknologi hijau yang dapat mengurangkan kadar pelepasan karbon di sesebuah perbandaran. "Bandar Miri merupakan antara bandar terpilih untuk menerajui projek ini," jelasnya.

Antara objektif pemasangan lampu LED di taman-taman di sini ialah untuk mengkaji keberkesannya mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan tahap pengeluaran karbon dioksida. Chin berharap untuk mencapai penjimatan elektrik sebanyak 50 peratus daripada pemasangan lampu itu di ketiga-tiga taman berkenaan. Terdahulu, Lawrence berkata, pada bulan Februari lalu, MBM telah menandatangani MoU dengan Green Technology untuk menghijaukan bandar raya Miri melalui penggunaan teknologi hijau dan LCCF. "Ini adalah sejajar dengan visi majlis iaitu sebuah bandar raya hijau dan dinamik. "Penggunaan teknologi hijau ini amatlah penting. Ia bukan sahaja dapat mengurangkan kos penggunaan tenaga elektrik malah dapat mengurangkan pelepasan karbon di kawasan bandar raya," jelasnya.

MBM katanya akan memperluaskan penggunaan teknologi itu di taman-taman lain serta jalan sekiranya terbukti memberi kesan yang positif dari segi penjimatan penggunaan tenaga elektrik dan impak yang baik dari segi pencahayaan pada waktu malam. Hadir sama ialah Pemangku Ketua Eksekutif Green Technology Corporation Malaysia Ahmad Zairin.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/07/16/miri-perintis-bandar-rendah-karbon/#ixzz3oMHzz0Ys>

## PENJANABEBAS hasrat perluas Kempen Sekolah Hijau ke kawasan luar bandar

March 2, 2011, Wednesday

MIRI: Persatuan Nasional Penjanakuasa Bebas Malaysia (PENJANABEBAS) akan melihat potensi sekolah-sekolah Sarawak lain termasuk sekolah luar bandar untuk dimasukkan dalam Kempen



Sekolah Hijau. Pemangku presidennya, Ong Peng Su berkata pihaknya akan memperluaskan Kempen Sekolah Hijau dari semasa ke semasa bagi memastikan amalan teknologi hijau dipraktikkan di kalangan pelajar sekolah. “Setakat ini, hanya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lutong telah dipilih di Sarawak untuk program ini, namun kita akan memastikan program ini diperluaskan bukan sahaja ke sekolah bandar tetapi turut merangkumi sekolah di luar bandar Sarawak,” katanya pada sidang media kelmarin.

Kata Ong, Kempen Sekolah Hijau merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat PENJANABEBAS, selaras dengan pendirian industri berkaitan kecekapan dan kemapanan tenaga. “Melalui kempen ini, sekolah yang terpilih akan dipasang sistem fotovolta yang disambungkan ke grid dan berupaya menjana kuasa elektrik menggunakan tenaga solar,” ujarnya.

Tambahnya, lima buah sekolah yang terpilih, setiap satu di negeri Sarawak, Kuala Lumpur, Perak, Selangor dan Melaka kini dilengkapi dengan sistem fotovolta sambungan grid 5kWp pada kos purata RM100,000 bagi setiap sistem. “Sepanjang jangka hayat sistem selama 20 tahun, sekolah-sekolah ini akan mendapat faedah daripada penjimatan kos melalui kuasa elektrik yang dijana oleh sistem ini selain daripada potensi penjualan tenaga elektrik kepada uti-liti,” ujarnya.

Tambahan pula, projek ini katanya menjadi satu alat pengajaran yang praktikal bagi meningkatkan pemahaman para pelajar terhadap potensi besar dalam bidang teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui di Malaysia pada masa kini. “Namun saya pasti bagi 2,600 pelajar di SMK Lutong dan empat buah sekolah lain, Kempen Sekolah Hijau ini amatlah bermakna dan membanggakan kerana ia merupakan platform di mana mereka turut menyertai agenda teknologi hijau negara,” katanya.

Beliau menambah, Kempen Sekolah Hijau telah dapat melengkap inisiatif kerajaan untuk menambah kapasiti penjanaan fotovolta yang dipasang di sekolah-sekolah kebangsaan sebanyak lima kali ganda kepada 30 kWp. “Kami percaya bahawa Kempen Sekolah Hijau ini dapat membantu mengurangkan kos keseluruhan yang dikaitkan dengan sistem fotovolta melalui skala ekonomi dan pembangunan industri sokongan tempatan,” jelasnya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/03/02/penjanabebas-hasrat-perluas-kempen-sekolah-hijau-ke-kawasan-luar-bandar/#ixzz3oMIBT9jO>

## Pemindahan teknologi perkasa IKS

November 9, 2011, Wednesday Andy Sabang



TERTARIK: Bernard (tiga kanan) mendengar penerangan daripada kakitangan LLM mengenai Loji Rawatan Stim semalam. Turut kelihatan, Alexander (kiri) dan Mong (kanan).

LLM akan bantu usahawan, rangka strategi jana industri lada negara

SIBU: Lembaga Lada Malaysia (LLM) sedang dalam usaha pengkomersilan berterusan untuk memindahkan teknologi kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pengerusinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, pada tahun lepas, LLM telah berjaya membuat enam sesi pemindahan teknologi kepada usahawan IKS dalam bentuk produk lada seperti coklat perisa lada, jeruk lada hijau, sambal lada hijau, 'vinaigrette' lada hijau, sos lada hijau dan sos lada hitam, dan terbaharu mencipta kek lapis berperisa lada.

Katanya, LLM juga sedang merangka pelbagai strategi untuk memperkasakan industri lada termasuk memperluaskan kawasan tanaman lada di Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia bagi mencapai sasaran pengeluaran sekurang-kurangnya 40,000 tan setahun menjelang tahun 2020. "Bagi menjamin pasaran, beberapa langkah telah kita buat dan banyak lagi telah dirangka untuk memperkukuhkan pasaran antarabangsa selain meningkatkan pasaran tempatan," katanya pada Majlis Perasmian Loji Rawatan Stim yang disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok.

Menurut Alexander, lada Malaysia kini menduduki tempat pertama dalam pasaran lada di Jepun selain turut berjaya menembusi pasaran China. Di Eropah, katanya, Malaysia berjaya memasarkan lada terus kepada pengguna industri tanpa melalui orang tengah atau spekulator.

Alexander yang juga Ahli Parlimen Kapit memberitahu, Malaysia telah berjaya meningkatkan aktiviti tambah nilai dengan meningkatnya penggunaan dalam negara daripada 500 tan pada tahun 1980-an kepada 7,000 tan pada tahun 2010. Ia juga didorong oleh aspirasi kerajaan untuk menjadikan

Malaysia sebagai Hab Makanan Halal dan ini akan menjadi kenyataan kerana negara memiliki sistem kawalan yang diiktiraf seperti ISO dan Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP).

LLM, tambah beliau, telah berjaya mendaftarkan Lada Sarawak dengan pihak Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) di bawah Geographical Indications (GI) di Malaysia yang sekarang ini dikenali dengan jenama Sarawak Papper. “Kejayaan ini jelas menunjukkan LLM sentiasa mementingkan kecemerlangan dan kualiti dalam kita meningkatkan daya saing industri lada negara,” ujar beliau lagi.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Menteri Muda Permodenan Pertanian Sarawak (Penyelidikan dan Pemasaran) Datuk Mong Dangang, Pengerusi Rubber Export Promotion Council dan Ahli Parlimen Hulu Rejang Datuk Billy Abit Joo dan Ketua Pengarah Lembaga Lada Malaysia Grunsin Ayam.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/09/pemindahan-teknologi-perkasa-iks/#ixzz3oMIi8RPV>

## **Miri bakal jadi antara bandar raya paling hijau**

September 20, 2012, Thursday Mohd Achil Norrlatep

Inisiatif harus diambil oleh PBT untuk merealisasikan fokus program, beri latihan kepada kakitangan BANDAR BARU BANGI, Selangor: Miri bakal menjadi salah satu bandar raya paling hijau dengan pengeluaran karbon terendah di Malaysia. Pemangku Ketua Pengurus Operasi Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) Noor Akmar Shah Nordin berkata, usaha merealisasikan impian berkenaan akan bergantung sepenuhnya kepada inisiatif dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). “Ia (projek) terletak sepenuhnya di tangan pihak majlis kerana memerlukan kos yang agak tinggi untuk dilaksanakan,” katanya ketika sesi penerangan kepada rombongan lawatan Persatuan Wartawan Utara Sarawak (NSJA) ke pejabat MGTC di sini, semalam.

Noor Akmar, PBT atau pihak-pihak berkaitan mempunyai empat fokus pilihan sama ada program yang menjurus kepada bangunan, pengangkutan, pengurusan sisa buangan mahupun alam sekitar. Setelah itu, katanya, peringkat seterusnya adalah memberikan latihan dan garis panduan kepada kakitangan majlis atau kawasan terlibat.

Selain Miri, katanya, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Bandar Hang Tuah Jaya (Melaka) merupakan antara kawasan yang bakal terlibat dengan program berkenaan. “Ia (program) bukanlah sesuatu yang boleh dilihat mendatangkan kesan yang segera, sebaliknya kita memerlukan masa untuk melihat kesan positif daripadanya,” jelas beliau sambil menambah, Miri juga me-rupakan salah satu bandar raya yang aktif dalam implementasi teknologi hijau setakat ini.

Dalam hal berkaitan, beliau memberitahu MGTC mempunyai prospek yang lebih besar pada masa hadapan dalam langkah-langkah implementasi teknologi hijau. “Kita akan bekerjasama secara besar-besaran dengan semua pihak termasuklah setiap kementerian, jabatan, agensi sama ada kerajaan atau swasta,” katanya. Turut hadir pada lawatan berkenaan ialah Setiausaha Politik kepada Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Sebastian Ting.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/09/20/miri-bakal-jadi-antara-bandar-raja-paling-hijau/#ixzz3oMg6pzor>

## Teknologi penapis air membran tidak praktikal

October 23, 2012, Tuesday

HULU LANGAT: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam berkata, cadangan Kerajaan Negeri Selangor untuk menggunakan teknologi penapis air membran adalah tidak praktikal kerana ia tidak dapat menambah bekalan air malah melibatkan kos yang lebih tinggi. Timbalan Perdana Menteri yang merujuk perkara itu kepada pakar-pakar air Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkata penggunaan teknologi tersebut yang dijangka menjangkau lebih RM3 bilion di 34 loji di Selangor itu tidak dapat menjamin kualiti air.

Sehubungan itu, beliau mahu kerajaan negeri Selangor memberi kelulusan untuk melaksanakan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) untuk menampung keperluan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan yang dijangka meningkat sebanyak 3.5 peratus hingga 4.0 peratus setiap tahun. "Saya tidak faham kenapa perlu menggunakan teknologi itu untuk menyelesaikan masalah air. Kalau kerajaan negeri yang bijaksana, mereka harus melihat penggunaan teknologi itu bukan jalan penyelesaiannya. Kalau kaji dari segi daya maju, ia tidak berdaya maju kerana daripada segi kosnya menurut pakar, ia adalah lebih tinggi. "Saya hairan dan takjub kerajaan negeri mahu membincangkan (dengan saya) kerana ia bukan penyelesaiannya," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor di sini, semalam.

Muhyiddin berkata bekalan air yang disalurkan melalui 34 loji air di Selangor boleh lagi menampung keperluan industri dan penggunaan domestik namun Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dijangka menghadapi krisis air menjelang tahun 2015. Beliau dimaklumkan bahawa beberapa pemaju perumahan tidak memperoleh sijil layak menduduki (CF) kerana pembekal utiliti tidak bersedia membekalkan air kerana ketiadaan sumber air baru. "Ini kenyataan dan fakta, sesuatu yang serius. Menteri Besar harus menyelesaikannya secepat mungkin," katanya.

Muhyiddin menegaskan bahawa kerajaan pusat tidak pernah mempolitikkan isu air seperti yang didakwa Khalid kerana ia membabitkan soal keperluan asas manusia. "Ini soal hidup mati dan soal keperluan asas manusia. Ia tidak harus dipolitikkan. Saya menjelaskan berdasarkan fakta daripada pakar-pakar jurutera air dan ia bukan daripada saya, bahawa situasi adalah kritikal dan ia perlu diselesaikan dengan segera. "Kerajaan negeri Selangor tidak boleh melengah-lengahkan dan mesti memberi kebenaran agar tiga majlis perbandaran boleh mengeluarkan perintah pembangunan bagi pembinaan Langat 2 demi kepentingan rakyat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya," katanya.

Sementara itu, Muhyiddin berkata Peguam Negera yang diminta untuk menentukan jika ada mana-mana peruntukan dalam Kanun Tanah Negara atau Akta Pengambilan Balik Tanah yang membenarkan kerajaan pusat meneruskan pembinaan Langat 2 demi kepentingan rakyat, masih belum memberi maklum balas kepada beliau. "Walau apapun, saya keluarkan arahan dan kabinet telah setuju tawaran untuk projek ini dikeluarkan kerana kerajaan pusat serius untuk mengatasi krisis air. Kalau ia tidak diatasi sekarang, satu krisis air serius akan berlaku," katanya.

Muhyiddin berkata 20 syarikat yang berminat telah mengambil borang tawaran tender bagi membina Langat 2 yang dikeluarkan dan proses pemberian tawaran dijangka diketahui selewat-lewatnya pada Jun tahun depan. “Kalau projek pembinaan Langat 2 dapat bermula pada tahun depan, ia dijangka akan siap pada 2016 atau 2017 untuk menampung permintaan air yang semakin meningkat,” katanya sambil menambah bahawa projek tersebut dilaporkan sudah lewat kira-kira dua tahun. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/10/23/teknologi-penapis-air-membran-tidak-praktikal/#ixzz3oMgltfg5>

## **Pembangunan mesra alam di Tanjung Manis**

May 27, 2011, Friday Rusnan Mustafa

Hab halalnya bakal dijadikan kawasan pembangunan berasaskan teknologi hijau

KUCHING: Hab Halal Tanjung Manis bakal dijadikan sebagai kawasan pembangunan berasaskan teknologi hijau. Ahli Parlimen Tanjung Manis Datuk Norah Abdul Rahman berkata, pembangunan berteknologi hijau di Hab Halal Tanjung Manis mengambil berat tentang masalah pencemaran yang dihadapi dunia pada masa kini. “Jika kita lihat masalah-masalah yang dihadapi dunia, banyak kawasan tercemar akibat aktiviti perindustrian, perikanan dan pertanian. “Jadi kawasan bandar Tanjung Manis harus dipelihara menerusi teknologi hijau,” katanya dalam sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PENESA (Persatuan Nelayan Sarawak) di sini semalam.

Norah menjelaskan bahawa perancangan berasaskan infrastruktur hijau mampu menjamin pelabur-pelabur daripada mengalami pencemaran udara atau sungai pada kemudian hari. “Kita juga akan melihat bagaimana untuk mempercepatkan dan menyenangkan pelabur-pelabur kita,” katanya.

Tambahnya, pelan induk untuk pelaksanaan pembangunan teknologi hijau di situ sedang dalam perancangan. “Ia harus merangkumi pelbagai aspek seperti jalan raya, bangunan, tenaga yang digunakan dan sebagainya untuk menjayakan pembangunan teknologi hijau di Tanjung Manis,” ujarnya. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa pihaknya kini sedang memperincikan akta baru yang khusus untuk Tanjung Manis untuk memenuhi kriteria di situ.

Terdahulu dalam ucapannya, Norah berkata sebanyak RM160 juta diperuntukkan bagi membangunkan lagi infrastruktur dan kemudahan asas di Tanjung Manis sebagai kawasan hab halal. Jelasnya, peruntukan itu merangkumi keperluan pembangunan mengikut perbelanjaan tahunan. Tambahnya, sebanyak RM10 bilion telah dilaburkan untuk membangunkan Hab Halal Tanjung Manis. Hadir sama Pengerusi PENESA Temrin Bustaman, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beting Maro Razaili Gapor, Pengurus PENESA Mastam Nado, Pemangku Pengarah Negeri LKIM Ahim Noh dan tetamu kehormat lain.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/27/pembangunan-mesra-alam-di-tanjung-manishab-halalnya-bakal-dijadikan-kawasan-pembangunan-berasaskan-teknologi-hijau/#ixzz3oMgQCwLo>

## Penggunaan tenaga belum mapan

November 9, 2011, Wednesday Sudan Ajang

Kerajaan giat bangunkan sektor tenaga boleh diperbaharui, kata Chin

MIRI: Walaupun kaya dengan sumber alam yang dapat dijadikan tenaga solar, biogas, biomas dan hidro, namun pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharui di Malaysia masih belum diterokai sepenuhnya. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui berkata, pertambahan populasi dan perkembangan sektor ekonomi menyebabkan keperluan terhadap tenaga boleh diperbaharui semakin meningkat.

Katanya, negara ini mempunyai prospek yang begitu cerah untuk membekalkan sumber tenaga boleh diperbaharui bagi menampung keperluan ini. "Justeru, kerajaan kini giat membangunkan sektor tenaga boleh diperbaharui melalui mekanisme tertentu seperti penubuhan Perbadanan Pembangunan Tenaga Mapan Malaysia atau SEDA dan Akta Tenaga Diperbaharui," katanya berucap merasmikan Persidangan Antarabangsa Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Curtin (CUTSE) Ke-3 2011 di Universiti Curtin Sarawak Malaysia (Curtin Sarawak) semalam. Seramai 250 peserta dari 22 negara mengambil bahagian pada persidangan selama dua hari anjuran Curtin Sarawak itu yang melibatkan pembentangan sebanyak 250 kertas kerja.

Dengan tema Teknologi Hijau Inovatif untuk Pembangunan Mapan, program selama dua hari itu bertujuan menyediakan platform kepada penyelidik, jurutera, saintis, ahli akademik, profesional dan penuntut institusi pengajian tinggi untuk berkongsi inovasi, teori dan penyelidikan berkaitan teknologi hijau. Mengulas CUTSE, Chin berkata, kementerian amat menggalak perkongsian idea dan kerjasama dalam membangunkan penyelidikan dan inovasi yang berkaitan teknologi hijau. "Malah tema teknologi hijau inovatif untuk pembangunan mapan amat relevan dalam usaha kita menjadikan Malaysia sebagai negara yang menggunakan tenaga boleh diperbaharui dan mesra alam," katanya.

Menurut Chin, penggunaan tenaga di negara ini masih belum mencapai tahap yang mapan, justeru banyak usaha yang perlu dilakukan dalam meningkatkan kesedaran pengguna untuk mengubah cara hidup ke arah jimat tenaga. "Saya berharap persidangan ini dapat menemukan kaedah yang sesuai untuk menzahirkan masyarakat yang peka dengan alam sekitar dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/09/penggunaan-tenaga-belum-mapan/#ixzz3oMgfxje4>

## Pelbagai kemudahan untuk OKU

April 20, 2011, Wednesday

KUANTAN: Kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada orang kelainan upaya (OKU) termasuk dalam membantu mereka berniaga, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob. Beliau berkata, misalnya di bawah Rancangan Malay-sia Kesembilan, kerajaan te-lah memperkenalkan Skim

Bantuan Geran Perniagaan OKU di mana geran sebanyak RM22 juta diperuntukkan antara lain bagi membantu OKU yang telah mempunyai perniagaan untuk mengembangkan perniagaan. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Mohamed Jaafar (BN-Jenderak) di persidangan Dewan Undangan Negeri.

Adnan juga memberitahu Jabatan Kebajikan Masyarakat turut mewujudkan sistem 'Job Coach' bagi melatih OKU untuk bekerja di agensi yang berminat untuk mengambil mereka bekerja. Beliau berkata, institusi pemulihan juga diwujudkan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan di kalangan OKU seperti yang terdapat di Pahang iaitu Taman Harapan Temerloh. Kanak-kanak OKU juga diterapkan latihan pekerjaan ketika mengikuti latihan pemulihan termasuk di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di seluruh Pahang, katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Datuk Mohd Sharkar Shamsuddin berkata, pemahaman rakyat terhadap teknologi hijau kian meningkat. Ini dapat dilihat melalui pelbagai kempen dan program dijalankan oleh swasta, badan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan sekolah ke arah amalan budaya kehidupan hijau. Beliau berkata, peningkatan pemahaman rakyat dapat dilihat pada minat mereka ke arah penggunaan kenderaan jenis hibrid selain perluasan aplikasi teknologi hijau dalam sektor bangunan di mana bilangan pemaju perumahan menggunakan identiti hijau di dalam pembinaan perumahan semakin meningkat. "Bagi promosi di peringkat negeri, juga diadakan roadshow teknologi hijau yang mendapat sambutan baik daripada pelbagai industri dan ini menunjukkan perkembangan yang baik untuk pembangunan teknologi hijau di peringkat negeri," katanya ketika menjawab soalan Khairuddin Mahmud (BN-Pulau Manis). – Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/04/20/pelbagai-kemudahan-untuk-oku/#ixzz3oMgoixl1>

## **PBT di Sarawak digalakkan sertai IGEM**

July 16, 2012, Monday

KUCHING: Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini digalakkan menyertai Konvensyen dan Pameran Teknologi Hijau Antarabangsa Malaysia (IGEM) yang bakal berlangsung di Kuala Lumpur, Oktober akan datang. Diperkenalkan oleh Perdana Menteri pada 2010, IGEM menurut Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin memberi pendedahan mengenai jenis-jenis industri yang bersifat hijau di negara ini.

Katanya banyak perkara mengenai teknologi hijau yang boleh dipelajari menerusi acara tahunan IGEM ini dan kementerian amat menggalakkan penyertaan kerajaan negeri terutama PBT pada konvensyen yang akan berlangsung mulai 10 hingga 14 Oktober akan datang. "Masih ramai pihak di negeri ini yang tidak mengetahui akan konvensyen ini di mana ia diadakan setiap Oktober mulai 2010 oleh KeTTHA di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). "Sekitar 600 ruang pameran disediakan pada konvensyen ini membabitkan syarikat-syarikat dan organisasi-organisasi bertaraf antarabangsa bersama teknologi hijau ciptaan masing-masing. "Justeru, ini adalah peluang untuk

kita dari negeri ini khasnya PBT dan organisasi-organisasi berkaitan turut serta dalam konvensyen itu bagi menimba ilmu dan pengetahuan untuk diguna pakai di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Perasmian Program Karnival 1Hijau 1Komuniti yang berlangsung di pekarangan parkiran Crowne Square di sini semalam. Program ini merupakan sebahagian daripada usaha kementerian mempromosi dan mendidik masyarakat dalam memelihara dan menghargai alam sekitar serta memahami teknologi hijau. Pada program itu sebanyak tiga ratus anak pokok pelbagai spesies ditanam secara serentak oleh peserta dan komuniti Kuching yang hadir selain turut serta dalam sesi senamrobik, ‘green walking’ dan pertandingan mewarna.

Karnival yang berlangsung seawal jam 6 pagi itu turut dimeriahkan lagi dengan persembahan pentas oleh artis jemputan, sesi cabutan bertuah, konsert mini dan acara pameran dan jualan. Turut hadir, Pemangku Ketua Eksekutif GreenTech Malaysia Ahmad Zairin Ismail, Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan (MPP) Lo Khere Chiang serta ahli-ahli jawatankuasa tertinggi SUPP dan lain-lain.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/07/16/pbt-di-sarawak-digalak-sertai-igem/#ixzz3oMgt6xL2>

## Industri perkapalan jana RM1b

December 9, 2012, Sunday Clare Cinderella



SELESA: Taib berasa selesa duduk di kerusi kapten di dek pengemudian kapal NC800 sambil diberi taklimat oleh pegawai Nam Cheong. Turut kelihatan ialah Lee (empat kiri), Tiong (tiga kanan) serta Rezza (tiga kiri).



Adaptasi teknologi hijau dalam pembinaan kapal untuk kuasai pasaran global: Taib

MIRI: Industri perkapalan di Sarawak tahun ini berjaya menjana pendapatan sebanyak RM1 bilion, meningkat satu kali ganda berbanding tahun lalu. Ketua Menteri Pehin Sri Abdul Taib Mahmud berkata, tahun lalu Sarawak telah mengesport kapal-kapal binaannya kepada dunia sebanyak RM500 juta, terutama kepada industri minyak dan gas di rantau ini. “Perkembangan positif ini menyaksikan betapa industri pembinaan kapal di negeri ini begitu stabil dan pastinya akan terus berkembang seiring dengan kepesatan dalam industri minyak dan gas di negara ini. “Malah kita dapat melihat betapa industri pembinaan kapal ini telah memberi ba-nyak faedah dan peluang kepada Miri dan juga kawa-san di luar Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), hasil strategi daripada pembangunan SCORE,” ujarinya.

Beliau berkata demikian semasa berucap melancarkan kapal terbaharu Nam Cheong iaitu Kapal Sokongan Platform Pelbagai Guna (MPSV) yang menggunakan kuasa elektrik diesel, NC800 di limbungannya di Kuala Baram dekat sini, semalam. NC800 yang bernilai lebih RM100 juta itu merupakan kapal terbesar pernah di- bina oleh Nam Cheong, sekali gus merupakan kapal pertama di Malaysia yang dibina menggunakan teknologi hijau, yang mana operasinya dijana menggunakan elektrik diesel. Memuji langkah Nam Cheong yang mengadaptasi-kan teknologi hijau dalam pembinaan kapalnya, Taib menyeru agar syarikat lain mengikut jejak langkah Nam Cheong. Ini kerana, katanya, bagi memastikan industri perkapalan terus berkembang di peringkat global, mereka perlu melangkah setapak ke hadapan dengan mengadaptasikan teknologi hijau dalam pembinaan kapal dan pada masa sama, masih terus menyokong industri hiliran serta pengeluaran dan eksplorasi (E&P) minyak dan gas.

Dalam perkembangan berkaitan, Taib mahu industri perkapalan di negeri ini mengambil bahagian dalam usaha kerajaan melahirkan golongan pekerja teknikal yang serba mahir dan kejuruteraan industri. Katanya, melalui industri yang sedang pesat berkembang itu, syarikat-syarikat perkapalan boleh menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan ataupun menaja pelajar-pelajar teknikal bagi menggalakkan lagi pengambilan dalam bidang tersebut.

Dalam pada itu, Taib berkata, jalinan kerjasama di antara syarikat korporat besar seperti Shell, Petronas, Nam Cheong dan Bumi Armada merupakan contoh yang baik kerana ia bukan sahaja melibatkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan dalam industri global seperti minyak dan gas, malah membantu meningkatkan pencapaian syarikat tempatan di negeri ini. Sementara itu, kapal NC800 yang dibeli khas oleh Bumi Armada itu akan digunakan untuk menyediakan khidmat sokongan luar pantai kepada pelanggannya, Sarawak Shell Berhad dan Sabah Shell Petroleum.

Hadir sama pada majlis tersebut semalam ialah Menteri Muda Komunikasi merangkap Menteri Muda Sukan Datuk Lee Kim Shin, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Nam Cheong Datuk Tiong Su Kuok serta Ketua Pegawai Kewangan Bumi Armada Rezza Hassan yang mewakili Pengarah Eksekutif Bumi Armada Berhad Hassan Assad Basma.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/12/09/industri-perkapalan-jana-rm1b/#ixzz3oMhBd5h3>

## NEC akan buat keputusan mengenai semakan tarif elektrik, kata Chin

May 27, 2011, Friday

CYBERJAYA: Majlis Ekonomi Negara (NEC) akan membuat keputusan jika terdapat sebarang semakan semula kepada tarif elektrik, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui. Beliau berkata mesyuarat NEC akan diadakan di Putrajaya hari ini dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. "Kabinet telah memutuskan yang Majlis Ekonomi akan membuat keputusan akhir. "Ia akan menentukan jika kita akhirnya telah memperkenalkan tarif elektrik yang baharu," kata beliau kepada pemberita di sini semalam.

Beliau bercakap selepas pelancaran "Dare To Dream Challenge" bersempena dengan Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau & Produk Eko Antarabangsa Malaysia 2011 yang kedua (IGEM 2011), di Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing di sini. Mengulas mengenai tuduhan yang menaik taraf Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2 telah meningkat sekali ganda kepada RM1 bilion, Chin berkata butiran mengenai projek itu masih lagi dibincangkan. "Ia adalah projek kerajaan-kepada-kerajaan dan masih lagi dibincangkan dengan kerajaan China," kata beliau.

Sementara itu, Chin berkata "Dare to Dream Challenge" diadakan bersempena dengan IGEM 2011 mulai 7-10 Sept di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Beliau berkata tujuan utama ialah untuk meningkatkan kesedaran mengenai teknologi hijau dan produk eko dengan mengetengahkan rumusan reka bentuk inovatif, serta melantik dan mempromosikan pereka berbakat dan penjana idea dalam mewujudkan hari ini yang lebih baik menerusi teknologi hijau dan pada masa yang sama mempromosikan agenda hijau. "Pertandingan "Dare to Dream" ialah platform untuk mendapatkan imaginasi golongan muda dan meningkatkan kepakaran menyelesaikan masalah mereka kerana ia membolehkan paduan fantasi dan realiti dalam cabaran kreatif dalam mengetengahkan isu-isu semasa," kata beliau. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/27/nec-akan-buat-keputusan-mengenai-semakan-tarif-elektrik-kata-chin/#ixzz3oMhLVT9J>

## Cyberjaya – kota pintar, perancangan bijak Oleh Ali Imran Mohd Noordin

May 25, 2011, Wednesday

### CYBERJAYA - SMART CITY

APA lagi yang rakyat Malaysia tahu mengenai Cyberjaya selain ia menjadi nukleus kepada program Koridor Raya Multimedia (MSC)? Bandar raya ini dibina atas konsep 'Bandar Teknologi Hijau' membayangkan komitmen kerajaan dalam menggalakkan guna tanah secara cekap dan mesra alam melalui amalan-amalan lestari. Satu lagi bandar raya yang dibangunkan atas konsep yang sama ialah jirannya, Putrajaya.

Suruhanjaya Brundtland Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam laporannya pada 1987 mentakrifkan pembangunan lestari sebagai suatu yang menampung keperluan semasa tanpa berkompromi dengan kemampuan generasi masa depan untuk menampung keperluan mereka. Ini

bermakna apa-apa pembangunan mesti melalui kajian teliti akan keperluan semasa dan di masa depan dan penilaian impak semasa dan masa depan juga perlu dijalankan.

Pada 1992 Deklarasi Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan menyenaraikan tiga elemen, iaitu pembangunan sosial, perlindungan alam sekitar serta pertumbuhan ekonomi. Projek pembangunan lestari yang baik ialah sesuatu yang mampu mengimbangi ketiga-tiga elemen ini. Kejayaan dalam melakukan ini akan melindungi alam sekitar dan sumber-sumbernya dalam mengejar kemakmuran ekonomi sementara memuaskan keperluan kebendaan dan bukan kebendaan manusia.

### **KEDUDUKAN SEMASA**

Di sinilah kejayaan pembangunan Cyberjaya penting kepada negeri Selangor khususnya dan juga negara amnya dalam melaksanakan konsep pembangunan lestari dalam projek-projek pembangunan.

“Cyberjaya akan dibangunkan sebagai satu bandar raya pintar moden yang menawarkan persekitaran mesra alam serta lestari, hanya membenarkan wasap pencemaran yang minimum, penjimatan tenaga serta penyepaduan tenaga secara harmoni bagi pembangunan bersama persekitaran sedia wujud,” kata Rashid Mat, Pengurus Besar Perniagaan, Komunikasi Korporat dan Perancangan Cyberview Sdn. Bhd. Dalam mencapai ini langkah-langkah di atas telah diambil oleh syarikat untuk membentuk Cyberjaya mengikut aspirasi. Anda pasti kagum melihat semua bangunan di sini dirancang untuk mengimbangi permintaan perniagaan dan sosial, menggalakkan dengan serentak persekitaran hijau.

Cyberview memperuntuk 40 peratus tanah bagi ruang terbuka dan laman hijau. Untuk mencapai ini, para pemaju perlu memperuntuk minimum 30 peratus daripada ruang mereka bagi peruntukan landskap. Selain itu, pembangunan bersepadu sangat digalakkan. Sebagai contoh, Shaftsbury Square yang meliputi 145 rumah kedai, 774 SOHO/ unit servis apartmen dan tiga blok kegunaan perusahaan akan siap secara berperingkat dari 2011 hingga 2015. Pembangunan seperti ini dijangka mengurangkan keperluan perjalanan yang lazimnya dikaitkan dengan pencemaran. Ia juga baik bagi perniagaan dan kesejahteraan sosial. Sistem penyejuk berpusat terbukti dapat mengurangkan kegunaan elektrik bangunan serta kos penyenggaraan. Penyewa beruntung kerana dapat memaksimum penggunaan ruang dalam bangunan. Mohd Hafiz Mohd Harun, 27, yang bertugas di sini selama lebih setahun berpuas hati dengan pembangunan seimbang di Cyberjaya tetapi berpendapat tempat ini masih memerlukan lebih banyak kemudahan.

### **ELEMEN KEEMPAT**

Cyberview pula atas hasil usaha sendiri menambah satu lagi elemen kepada tiga elemen yang disyorkan oleh PBB dalam pendekatan pembangun lestari mereka – kajian. Selain menjadi tapak kepada pelbagai syarikat multinasional, bandaraya ini juga menjadi tuan rumah kepada beberapa institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah Limkokwing University of Creative Technology (LUCT), Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS) dan sekolah pintar Sekolah Seri Puteri.

Bagi Cyberview, kemampuan untuk menawarkan kemudahan yang menampung pelbagai citarasa sementara mengekalkan kualiti kehidupan penduduk merupakan satu tambah nilai bagi pemilikan

harta di sini. Dua orang penuntut Universiti Multimedia dari Botswana iaitu, Tshepo Setlhare, 22, dan Georg Leaname Schulte To Brinke, 21, berpendapat adakalanya bandar raya ini terlalu senyap tetapi ia tempat yang baik untuk belajar. “Khidmat bas ulang-alik datang dan berlepas tepat pada masa, mungkin terdapat sedikit kelewatan semasa waktu puncak tetapi perkhidmatan ini boleh dikatakan masih cekap,” kata Setlhare.

Tiada bayaran dikenakan bagi khidmat bas ulang-alik ini dalam kawasan Cyberjaya kecuali untuk perjalanan ke Putrajaya di mana bayaran RM2 dikenakan. “Saya mengesyorkan orang ramai supaya tinggal di Cyberjaya, bagaimanapun saya berharap sebuah gedung membeli belah dan sebuah pawagam bagi tujuan hiburan di buka di sini,” tambah Georg Leaname.

## PEMBABITAN PINTAR

Sesi ‘Greet’ merupakan antara usaha Cyberview untuk mengemaskini maklumat kepada penduduk di sekitar bandar raya ini. Diadakan sekali setiap dua bulan, sesi ini menarik penyertaan pelbagai pertubuhan serta individu. Sesi ini juga disiarkan langsung secara online di tv [www.cyberjaya.tv](http://www.cyberjaya.tv) bagi mereka yang mahu mengikutinya dari jauh. Buat masa ini syarikat ini terbabit dengan pihak swasta dalam program penanaman pokok dan terdapat kemungkinan untuk menutup ruang-ruang letak kereta terbuka dengan panel solar untuk menjana tenaga elektrik bagi kegunaan domestik. Jika pembangunan Cyberjaya kekal pada halatujunya, bandar raya ini akan menjadi teladan baik kepada negara serta perancangan bandar dan pembangunan.

Pembangunan lestari merupakan satu agenda global, kerajaan Malaysia harus dipuji kerana usaha berterusannya ke arah pembangunan lestari. Bersama model tempatan yang baik seperti Cyberjaya, kajian bagi pembangunan lestari pasti lebih mudah bagi pihak berkuasa tempatan lain di negara ini. Belum terlewat untuk mempelajari resipi pembangunan Cyberjaya dan menerima pakai idea bandar raya pintar ini demi kebaikan semua warga Malaysia. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/25/cyberjaya-%e2%80%93-kota-pintar-perancangan-bijakoleh-ali-imran-mohd-noordin/#ixzz3oMhjF5TF>

## UMS bangukan konsep tenaga hijau

January 28, 2012, Saturday SITI AISYAH NARUDIN aisyahub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan merealisasikan pembangunan dalam konsep tenaga hijau dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kumpulan Seagate Global. Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata melalui MoU itu beberapa komponen ditandatangani termasuklah program perintis yang dicadangkan untuk inkubator tenaga solar. Menurutnya, dengan cadangan itu Seagate Global akan membina sebuah bangunan yang berkhidmat sebagai contoh dalam penggunaan teknologi hijau. “Pembangunan ini nanti bukan sahaja menunjukkan teknologi hijau tetapi juga merangkumi teknik pembinaan yang berpatutan,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU itu di sini kelmarin. Beliau berkata, komponen kedua bagi MoU itu ialah cadangan pembangunan untuk Resort Perkampungan Budaya UMS.

Kamaruzaman berkata, sebagai rakan kongsi UMS, Kumpulan Seagate Global akan membantu membangunkan pantai UMS yang terkenal dengan keindahannya. "Saya harap dapat melihat projek ini sebagai sesuatu yang akan memudahkan dan bagi pihak UMS, kami akan memberi kerjasama sepenuhnya untuk melaksanakan projek ini," katanya. Ketika menjelaskan secara lanjut mengenai konsep perkampungan budaya pada sidang media, beliau berkata pembinaan resort itu akan dilaksanakan tahun ini juga. Tambahnya, idea untuk mempunyai pusat peranginan di kampus telah dicadangkan sejak sekian lama.

Namun jelasnya, mereka memilih untuk melaksanakannya secara perlahan-lahan kerana mahu ia dibangunkan sebagai projek 'mesra alam'. "Pusat peranginan kampung ini akan dibina di atas tanah seluas lebih kurang 40 hingga 50 ekar yang terletak di sepanjang pantai UMS. "Ia juga akan menjadi tempat latihan untuk pelajar hospitaliti universiti ini serta ahli-ahli komuniti yang lain," katanya.

Kamaruzaman berkata, cadangan pembinaan loji tenaga solar UMS yang termasuk dalam komponen MoU itu turut disifatkan sebagai matlamat penuh universiti. "Saya percaya ia akan memakan masa bagi pelaksanaannya disebabkan birokrasi di Malaysia dan pada masa ini, setiap bulan UMS membelanjakan hampir RM2 juta untuk penggunaan tenaga elektrik. "Pembinaan loji tenaga solar di sini bertujuan membantu UMS menjana penggunaan elektrik dengan lebih murah," katanya.

Beliau berkata, UMS mempunyai pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta jurutera. Dengan teknologi yang dibawa oleh Seagate Global, ia membantu UMS untuk menjana tenaga sendiri. Selain itu, tambahannya, sekiranya dilaksanakan, Loji Tenaga Solar UMS mampu menjimatkan perbelanjaan penggunaan elektrik sebanyak 30 peratus. Turut hadir, Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan Seagate Global, Prof William Lawton dan Presiden Seagate Asia Tenggara, Dominador S. Tupaz, Jr.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/01/28/ums-bangunkan-konsep-tenaga-hijau/#ixzz3oMigHULs>

## Lebih RM16b diperlukan untuk bekal air terawat

December 12, 2012, Wednesday Mohd Achil Norrlatep

Lebih banyak peruntukan k'jaan pusat diharapkan dalam GTP 2 untuk pastikan matlamat itu tercapai

MIRI: Sarawak masih memerlukan dana lebih RM16 bilion untuk membekal air terawat ke setiap pelosok negeri. Menteri Kemudahan Awam Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berharap lebih banyak peruntukan daripada kerajaan pusat dalam Program Transformasi Kerajaan 2 (GTP 2) untuk memastikan matlamat berkenaan tercapai. "Sungguhpun dana yang telah disalurkan amat banyak, namun masih belum memadai untuk membekalkan air terawat ke semua kawasan penduduk negeri ini," katanya. Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Air) Sylvester Entri Muran pada Majlis Pelancaran Projek Pembangunan Sumber Bekalan Air di Miri, di sini semalam.

Menurutnya, bukan tugas mudah untuk melaksanakan pelbagai projek bekalan air sama ada terawat atau air bersih memandangkan keluasan negeri ini, keadaan muka bumi dan sistem perhubungan

jalan raya dan kedudukan penempatan yang berselerak serta di pedalaman yang kependudukannya amat kecil. "Sarawak melalui Bidang Keberhasilan Utama Negera (NKRA) telah diperuntukkan RM1.73 bilion untuk projek Bekalan Air Luar Bandar di mana daripada 477 projek yang dijalankan, 393 telah siap yang memberi manfaat kepada lebih 47,000 isi rumah", ujarnya.

Manakala baki 84 projek yang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan apabila siap nanti akan memberi manfaat kepada lebih 41,000 isi rumah dan dijangka siap sepenuhnya sebelum Ogos tahun depan. Sarawak turut menerima pinjaman daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air untuk membangunkan loji-loji rawatan air serta pembinaan struktur simpanan air mentah dan salah satu daripadanya adalah Pembangunan Sumber Air di Miri yang telah diluluskan pada 2011 dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Bagaimanapun katanya, sumber air mentah perlu dilindungi dan diawasi dengan ketat agar tidak berlaku pencemaran. Pihak pengurusan loji juga kata beliau, harus memastikan Pelan Keselamatan Air disediakan dan dikemas kini bagi memastikan sumber air tidak tercemar dengan sisa industri dan aktiviti-aktiviti pencerobohan. Turut hadir Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin, Menteri Muda Sukan Datuk Lee Kim Shin, Timbalan Pengarah Kerja Raya Liew Jui Ming, Setiausaha Politik Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Sebastian Ting serta kenamaan lain.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/12/12/lebih-rm16b-diperlukan-untuk-bekal-air-terawat/#ixzz3oMinvPkV>

## **M'sia hadapi isu alam sekitar jika rakyat terus leka**

November 13, 2011, Sunday Steve Annuar

Pencemaran akan menyebabkan perubahan iklim yang menyumbang kepada bencana alam: Chin

MIRI: Malaysia tidak akan terlepas daripada dibebani masalah alam sekitar sekiranya masih ramai rakyat tidak prihatin dan peka terhadap alam sekitar. Antaranya pencemaran udara, air, pembuangan sisa pepejal, toksik dan penebangan hutan secara haram yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan alam sekitar.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin memberitahu, implikasi terhadap alam sekitar amat teruk di mana fenomena perubahan iklim akan menyumbang kepada kejadian-kejadian banjir dan kemarau semakin ekstrem. "Contoh yang paling ketara yang kita dapat saksikan adalah keadaan banjir di Thailand yang masih belum dapat ditangani oleh kerajaan Thailand. Pemuliharaan kebersihan setempat, kualiti udara dan sumber air merupakan antara cabaran-cabaran alam sekitar yang perlu dihadapi dan ditangani kita semua," jelasnya.

Chin menambah, dengan perancangan dan pembangunan mapan, kerajaan mahu memastikan pembangunan ekonomi negara dilaksanakan secara positif untuk mencapai pengimbangan antara pembangunan lestari dengan kepentingan alam sekitar. Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Program Flagship Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Peringkat Parlimen P.219 Miri di SMK St Columba semalam. Chin yang juga Ahli Parlimen Miri

berkata, penubuhan Sektor Teknologi Hijau sebagai satu entiti kementerian beliau mencerminkan ketegasan dan komitmen kerajaan ke arah menyampaikan mesej konsep bersih dan hijau.

Beliau memberitahu, Dasar Teknologi Hijau Negara telah dirangka dengan hasrat untuk menyokong usaha kerajaan dalam menggabungkan elemen-elemen hijau sebagai satu asas dalam Model Ekonomi Baru Negara dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). “Dasar ini juga selari dengan dasar kebangsaan, di mana objektif pembangunan negara akan terus diimbangi dengan mengambil kira kepentingan alam sekitar,” jelasnya.

Chin menambah, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, memastikan objektif pelaksanaan teknologi hijau dan perubahan iklim negara tercapai. Sementara itu, Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri menubuhkan Pelan Tindakan Bersama Pengurusan Bekalan Air Negara yang menguruskan sumber air, anggaran permin-taan keperluan air, ramalan keperluan air domestik dan industri, keperluan air bagi pertanian dan hidrologi. Konsep Sekolah Lestari telah diperkenalkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam Program RAS di setiap kawasan Parlimen. Bagi kawasan Parlimen Miri, sebanyak empat buah sekolah dipilih iaitu SMK St Columba, SMK Lopeng Tengah, SK Tudan dan SK Lutong yang menerima peruntukan RM5,000.

Menurut Chin, sehingga pertengahan tahunan 2012, pejabat Parlimen Miri dengan kerjasama Majlis Banda-raya Miri (MBM), Jabatan Alam Sekitar Miri, Pejabat Pelajaran Daerah Miri dan Syarikat E-Concern (M) Sdn Bhd akan mengadakan pertandingan pengumpulan e-Waste (bara-ngan elektrik terbuang) melibatkan semua sekolah rendah dan menengah di sini. “Sekolah yang berjaya mengumpul dan merekodkan jumlah e-Waste tertinggi akan menerima hadiah dan penghargaan daripada pejabat Parlimen saya. Sehubungan itu, saya menyeru semua sekolah di Miri agar terlibat dalam menjayakan program ini,” jelasnya. Hadir sama, Pengarah JAS Ismail Ithnin, Residen Miri Anthonio Kahti Galis, Setiausaha Politik Datuk Sebastian Ting dan Pengetua Robinette Tiong.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/13/m%e2%80%99sia-hadapi-isu-alam-sekitar-jika-rakyat-terus-leka/#ixzz3oMsOKICf>

## **Pengeluar M'sia disaran pantau permintaan pasaran hijau Thailand**

September 13, 2011, Tuesday

KUALA LUMPUR: Para pengilang Malaysia seharusnya maklum dengan permintaan yang meningkat untuk produk hijau dan mesra-eko serta sistem di Thailand, kata Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade). Ini ialah ekoran trend yang kian meningkat bangunan pejabat dan hotel mesra-eko di negara itu yang melaksanakan teknologi hijau.

Dalam satu kenyataan semalam, Matrade berkata trend yang kian meningkat ke arah bangunan-bangunan mesra-eko telah membuka peluang baharu untuk syarikat Malaysia memandangkan mereka boleh memasuki pasaran Thailand dengan membekalkan bahan bangunan dan perabot mesra-eko. “Produk-produk hijau yang syarikat Malaysia boleh bekalkan termasuklah sistem penjagaan udara dan air, pembersih, sistem elektrik yang cekap dari segi penggunaan tenaga dan alat peranti, bahan mesra-persekitaran, peralatan yang cekap dari segi penggunaan air dan sistem

penggunaan air. “Malaysia juga boleh membekalkan sistem pemantauan karbon monoksida untuk tempat letak kereta bawah tanah dan sistem untuk mengumpulkan air sisa dan air hujan untuk pengaliran,” tambahnya.

Matrade turut menasihati pengeksport Malaysia menggunakan pelbagai saluran pengagihan untuk memasarkan produk-produk elektrik pengguna ke Thailand. “Memandangkan terdapatnya trend yang kian bertambah di kalangan pengguna Thai menggunakan e-perdagangan, kami turut menasihati para pengeksport menggunakan Internet untuk menjual dan mempromosikan produk masing-masing,” katanya. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/09/13/pengeluar-m%e2%80%99sia-disaran-pantau-permintaan-pasaran-hijau-thailand/#ixzz3oMs7fKGp>

## **Sistem tadahan air di setiap perumahan digalak**

July 16, 2012, Monday Agnes Tugong

KUCHING: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menggalakkan pelaksanaan sistem tadahan air di setiap kawasan perumahan di negeri ini untuk meningkatkan kualiti alam sekitar serta pemangkin kepada ekonomi negara. Menteri Datuk Seri Peter Chin berkata sistem ini telah diaplikasikan di kebanyakan kawasan perumahan di Semenanjung Malaysia terutama melibatkan perumahan jenis separa berkembar dan banglo. Justeru pihaknya mengalu-alukan penyertaan kerajaan negeri di bawah Kementerian Perumahan untuk melaksanakan sistem ini di kawasan-kawasan perumahan yang ada di negeri ini. “Jika ada permintaan daripada Kementerian Perumahan Sarawak untuk melaksanakan sistem ini di negeri ini... kami pastinya senang hati. “Ia amat digalakkan, apatah lagi tahap kesedaran di kalangan rakyat mengenai teknologi hijau masih rendah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas perasmian Program Karnival 1Hijau 1Komuniti anjuran KeTTHA di pekarangan parkiran Crown Square di sini semalam. Tambah Chin, kebanyakan kalangan sektor industri mengetahui akan amalan cekap tenaga yang diperkenalkan oleh KeTTHA. Namun katanya, aspek kos sering dijadikan sebagai alasan untuk tidak mengamalkan cekap tenaga. “Persoalannya di sini ialah, keputusan pengurusan seharusnya tidak memikirkan bahawa cekap tenaga ini akan mengundang kepada kerugian. “Contoh terbaik yang boleh diteladani ialah langkah syarikat pengangkutan LRT di Kuala Lumpur yang mampu menjimatkan kos antara RM370,000 setahun hasil daripada tadahan air di depo untuk tujuan mencuci gerabak,” ujarnya.

Menyentuh mengenai teknologi hijau dan alam sekitar, Chin berkata dalam usaha memperkenalkan aspek ini di kalangan rakyat, program-program seperti karnival hari ini harus diadakan dengan lebih kerap bagi membolehkan rakyat menerima teknologi hijau. “Buat masa ini, kementerian sedang menjalankan kajian alam sekitar ke atas tiga sektor utama iaitu industri, pembinaan dan pengangkutan yang penting kepada ekonomi negara. “Menerusi kajian ini, kita akan mengenal pasti peratusan pencemaran yang dihasilkan dan membolehkan langkah pengurangan diambil yang akhirnya menjadi pemangkin kepada ekonomi negara,” ujarnya.



Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/07/16/sistem-tadahan-air-di-setiap-perumahan-digalak/#ixzz3oMsNrUIQ>

## **Pengusaha IKS kurang aktif dalam CSR**

December 19, 2012, Wednesday

MIRI: Kesibukan masing-masing dalam usaha membangunkan perniagaan ataupun organisasi mereka, menyebabkan program-program sosial korporat (CSR) menjadi tidak popular atau kurang dilaksanakan oleh pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS). Sedangkan kewujudan syarikat-syarikat kecil dan sederhana ini membentuk peratusan yang tinggi atau banyak sama ada di Miri ataupun di seluruh negeri ini. Setiausaha Politik Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Sebastian Ting memberitahu kerajaan tidak dapat menafikan bahawa syarikat-syarikat terbabit memang banyak terlibat dalam aktiviti atau program-program amal dan memberikan sumbangan sama ada bentuk tunai mahupun sebaliknya. “Namun apa yang kurang di kalangannya ialah program atau aktiviti CSR mereka kerana kebanyakan mereka lebih terlibat atau mengambil bahagian bersama pihak penganjur aktiviti berkenaan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Dialog CEO Konrad Adenauer (KAS) 2012 – Malaysian Institute of Management (MIM) – Memacu Pembangunan dengan Polisi Kemajuan Hijau Yang Berkesan dengan tema: ‘Memaksimumkan Peluang-peluang Hijau untuk Organisasi’ di sini semalam.

Menurut Sebastian, kebanyakan program CSR anjuran mereka melibatkan syarikat multinasional atau syarikat besar sahaja seperti Shell, Samling, Shin Yang serta Petronas yang begitu menyerlah dalam program seumpama itu dengan merangka aktiviti sendiri. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MIM, Dr Nazily Mohd Noor memberitahu kesedaran dan promosi terhadap program-program CSR masih kurang di kalangan syarikat atau pengusaha kecil dan sederhana bukan sahaja berlaku di sini atau di Sarawak malah seluruh negara.

Sehubungan itu, MIM sedaya upaya untuk menganjurkan lebih banyak dialog bersama IKS kerana populasi syarikat berkenaan yang begitu tinggi terutamanya di Miri, Kuching dan Pulau Pinang. “Bagi syarikat-syarikat besar, kita tidak mempunyai masalah kerana mereka amat sedar dan faham akan tanggungjawab sosial mereka, namun kini kita akan memberi tumpuan dan galakan kepada SME untuk mengambil bahagian dalam CSR pula,” katanya sambil menambah CSR hakikatnya tidak serupa dengan aktiviti-aktiviti amal yang mereka sertai dalam masyarakat. “Sebaliknya, mereka boleh memainkan peranan CSR dengan menyumbang kepada pembangunan teknologi hijau. Malah, Sarawak yang terkenal dengan kekayaan sumber semula jadi seperti hutan-hutan dan sungai-sungai perlu dimanfaatkan oleh IKS sebagai sebahagian daripada CSR mereka ke arah usaha menjaga, melindungi dan memulihara alam sekitar dan bumi ini,” jelas beliau.

Sehubungan itu, Dr Nazily berharap IKS di negeri ini akan terlibat sama dalam pembangunan biomass, hidro mini dan sebagainya bagi membantu penduduk di luar bandar. “Banyak teknologi hijau boleh dimulakan dengan inisiatif daripada industri perkapalan dan cantohnya di Miri iaitu Program Local Agenda 21 (LA21),” tambahnya. Sementara itu, dialog hijau bertujuan mendedahkan dan memberi peluang kepada kakitangan pengurusan kanan dan peringkat atasan, mengenai konsep

hijau dan seterusnya mengadaptasikan dalam pengurusan mereka selain landasan bagi membincangkan isu berkenaan dengan agensi-agensi berkaitan.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/12/19/pengusaha-iks-kurang-aktif-dalam-csr/#ixzz3oMsjXpLb>

### **Kilang di Sarawak patuhi peraturan alam sekeliling**

October 31, 2012, Wednesday Jessica Jawing

85 hingga 90 peratus premis atau kilang patuhi peraturan ini

KUCHING: Kira-kira 85 hingga 90 peratus premis atau kilang di Sarawak mematuhi peraturan alam sekeliling kata bekas Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak Ismail Ithnin. Menurut beliau sehingga Oktober 2012, terdapat 3,670 bilangan premis atau punca berpotensi menghasilkan pencemaran di Sarawak. Tambahnya sebahagian besar punca atau 65 peratus adalah premis berasaskan perkayuan, mineral, makanan, minuman dan fabrikasi. “Daripada jumlah tersebut sekitar 1,200 hingga 1,400 bilangan premis atau lebih 1,500 lawatan dijalankan setiap tahun menerusi pemantauan dan penguatkuasaan. “Secara keseluruhannya 85 hingga 90 peratus premis ini mematuhi peraturan alam sekeliling,” katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis penyerahan tugas beliau kepada Pengarah JAS Sarawak baharu Ruslan Muhamad di sini, semalam.

Menurut Ismail, sehingga kini sebanyak 43 kompaun telah dikeluarkan JAS Sarawak dan 11 kes telah dibawa ke mahkamah. “Kebanyakan denda yang dikenakan adalah kes pembakaran terbuka semasa cuaca jerebu dan dua atau tiga kes berkaitan kilang kelapa sawit,” tegasnya. Sementara itu dalam ucapannya beliau berkata dengan pelbagai pendekatan baharu yang lebih mesra iaitu ke arah ‘Green Milling’ secara keseluruhannya pematuhan kilang kelapa sawit sehingga Oktober di Sarawak mencapai 93 peratus. “Pendekatan ke arah teknologi hijau dan mesra alam banyak diamalkan dengan menggantikan teknologi hijau dan mesra alam yang banyak diamalkan dengan menggantikan teknologi tradisional menggunakan kolam,” katanya.

Ismail mendedahkan bahawa sejak 2005 bilangan kilang kelapa sawit telah bertambah daripada 22 buah kepada sebanyak 58 buah kilang sehingga kini. Beliau merupakan pengarah JAS Sarawak keenam yang berkhidmat selama tujuh tahun dan akan memulakan tugas baharu hari ini sebagai ketua penguat kuasa JAS di ibu pejabat di Putrajaya. “Selama hampir lapan tahun berkhidmat di Sarawak saya menimba pelbagai pengalaman manis dan pendedahan unik seperti pergaulan pelbagai budaya dan cabaran seperti logistiknya. “Misalnya di negeri asal saya, Negeri Sembilan kita tidak ada bentuk pengalaman dan pergaulan pelbagai budaya dan bangsa seperti yang ada di Sarawak,” katanya. Tugas beliau digantikan oleh Ruslan Muhamad yang telah berkhidmat selama setahun setengah di JAS Kelantan.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/10/31/kilang-di-sarawak-patuhi-peraturan-alam-sekeliling/#ixzz3oMt3UtXV>

## **BDA berkuasa laksana projek tanpa lalui proses yang rumit**

April 11, 2011, Monday

BINTULU: Penduduk di Bintulu cukup bertuah kerana memiliki Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan projek-projek dengan mudah tanpa melalui proses yang rumit berbanding pihak berkuasa tempatan lain. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin berkata, ini satu kelebihan bagi Bintulu dan penduduknya kerana mempunyai BDA yang mampu membuat perancangan projek- projek yang membawa kebaikan kepada mereka. “Bagi saya BDA merupakan pentabir tempatan yang sentiasa ke hadapan untuk melaksanakan dasar sekali gus prihatin kepada keperluan bandar Bintulu,” ujarinya berucap semasa melancarkan Taman Rekreasi Ecorich di Taman Ecorich Jalan North/South semalam.

Katanya, keperluan itu adalah mengambil kira konsep rakyat didahulukan pencapaian diutamakan dalam melaksanakan projek-projek terbabit. Beliau berkata, bagi kementerian saya dasar kerajaan BN Persekutuan dan Negeri melaksanakan projek-projek seumpamanya amat disokong berikutan ia membawa makna yang cukup besar untuk penduduk.

Justeru beliau turut menyarankan BDA agar memikirkan tentang teknologi hijau yang mampu memberi kebaikan kepada penduduk di sini. “Pihak berkuasa tempatan mungkin boleh mengimplementasikan teknologi hijau dalam pelaksanaan projek-projek mereka contohnya tiang lampu jalan yang besar dan tinggi boleh direndahkan supaya lebih terang sekali gus menjimatkan penggunaan elektrik,” katanya.

Chin turut menyifatkan rancangan BDA merubah kawasan kolam pengoksidaan kepada taman rekreasi di taman perumahan di sini sebagai amat baik. “Saya rasa penduduk akan menyukai landskap yang dibina oleh BDA ini dan harga rumah di kawasan itu pasti juga akan meningkat,” katanya. Sementara itu Pengurus Besar BDA Datu Mohidin Ishak berkata, kawasan tanah seluas satu ekar di Taman Ecorich itu bakal diubah sebagai kawasan hijau untuk kemudahan penduduk di kawasan itu. “Kita tidak hanya menukar kolam pengoksidaan di Taman Ecorich bahkan di Taman Bandar Jaya sebagai taman rekreasi dan riadah penduduk,” jelasnya.

Kos pembinaan taman rekreasi dikenali sebagai Taman 1Malaysia Ecorich itu adalah berjumlah RM282,458. Hadir sama di majlis itu calon BN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) N.59 Kidurong Henry Ling, Senator Pau Chiong Ung, Timbalan Pengurus Besar BDA Shukarmin Chasemon dan Pemanca Barry Yek.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/04/11/bda-berkuasa-laksana-projek-tanpa-lalui-proses-yang-rumit/#ixzz3oMv7C0qH>

## **Projek perintis lampu LED akan dilaksana di Miri**

April 22, 2012, Sunday

MIRI: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air akan melaksanakan projek perintis pertama di negara ini menggunakan lampu berasaskan teknologi diod pemancar cahaya atau LED di kawasan

taman di Miri. Menterinya, Datuk Seri Peter Chin memberitahu, tiga taman tersebut ialah Taman Awam Miri, Taman Bulatan di SABERKAS dan Dataran Kipas Miri.

Bercakap pada sidang media di sebuah hotel di sini semalam, Chin berkata, pelaksanaan projek perintis itu merupakan salah satu resolusi hasil perjanjian persefahaman (MoU) di antara Majlis Bandaraya Miri (MBM) dan Malaysian Green Technology Corporation pada 25 Februari lalu. "Miri merupakan salah satu bandar raya yang dipilih mengikuti program Kerangka Kerja Bandar Raya Rendah Karbon (LCCF) selain Putrajaya dan Cyber Jaya. Justeru kita melancarkan projek perintis bagi memudahkan pembangunan Miri sebagai bandar raya rendah karbon," katanya.

Menurut Chin, lampu LED menggunakan tenaga jauh lebih jimat berbanding lampu biasa dan mengeluarkan haba yang sangat rendah sekali gus mengurangkan pelepasan karbon dioksida ke atmosfera. Katanya, projek perintis yang dilaksanakan dengan kerjasama MBM itu dijangka bermula dalam masa terdekat. "Kita sudah mengenal pasti syarikat yang mempunyai kepakaran dalam lampu LED. Mereka akan melakukan kajian di ketiga-tiga taman tersebut bagi mengenal pasti tahap keberkesanan penggunaan lampu LED serta jenis lampu LED yang sesuai di-gunakan. "Apabila siap nanti, penggunaan lampu LED itu dijangka dapat menjimatkan kira-kira 60 peratus kos elek-trik yang ditanggung oleh MBM setiap bulan," katanya sambil menambah, kira-kira RM200,000 diperuntukkan untuk menjayakan projek di ketiga-tiga taman tersebut. Ujar Chin lagi, penggunaan lampu LED digunakan secara meluas di luar negara kerana ia terbukti lebih efisien dan mesra alam. "Jika kita ada pilihan, mengapa tidak menggunakan lampu yang (lebih) efisien dan menjimatkan?" katanya.

Selain projek perintis lampu LED, katanya, kementerian dengan kerjasama MBM juga akan mengadakan forum atau ceramah rendah karbon pada 24 Mei, Karnival Hijau dan Larian Hijau bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai penggunaan tenaga hijau dan rendah karbon. Sementara itu, Datuk Bandar Miri, Lawrence Lai berkata, pemilihan Miri sebagai lokasi pelaksanaan projek perintis lampu LED meletakkan bandar raya ini di landasan yang tepat untuk menjadi bandar raya hijau dan rendah karbon. "MBM berterima kasih kepada kementerian dan Datuk Peter kerana melaksanakan projek ini dan pemilihan Miri merupakan satu kelebihan dan saya amat berbangga," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/04/22/projek-perintis-lampu-led-akan-dilaksana-di-miri/#ixzz3oMvO6yeH>

## **Bangunan kerajaan diarah tetapkan suhu pendingin hawa 24 darjah celsius**

August 12, 2011, Friday

Langkah akan berkuat kuasa selepas surat pekeliling dikeluarkan KSN: Chin

PUTRAJAYA: Semua bangunan kerajaan akan diarahkan untuk menetapkan suhu pendingin hawa dalam bangunan masing-masing tidak kurang daripada 24 darjah celsius sebagai langkah penjimatan tenaga, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui. Beliau berkata langkah kecekapan penggunaan tenaga itu akan berkuat kuasa selepas surat pekeliling mengenai perkara itu dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan. "Perdana Menteri mengarahkan sebagai satu langkah yang bijak kecekapan penggunaan tenaga, semua bangunan

kerajaan diminta menetapkan suhu (pendingin hawa) bangunan tidak kurang daripada 24 darjah celsius. “Kecuali bagi tempat-tempat khas seperti hospital yang memang memerlukan paras suhu yang rendah,” katanya pada sidang akhbar bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas di sini semalam.

Terdahulu, kedua-dua mereka menghadiri mesyuarat Majlis Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Cuaca, yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Perdana Putra di sini. Mengulas lanjut, Chin berkata suhu yang ditetapkan itu adalah sesuai untuk persekitaran tempat kerja dan ia juga boleh menjimatkan keseluruhan bil elektrik sesebuah bangunan kerajaan itu. “Kami tetapkan 24 darjah celsius. Kalau kita turunkan kepada 23 darjah celsius, bermakna kita perlu meningkatkan perbelanjaan daripada 4 kepada 7 peratus,” katanya. Chin berkata tahap suhu tersebut telahpun dilaksanakan di kementeriannya dan ia menjimatkan sehingga RM700,000 setahun untuk keseluruhan bil elektrik.

Katanya pihaknya juga sedang merangka draf undang-undang untuk dibentangkan di Parlimen dalam tempoh terdekat bagi membolehkan kerajaan menguatkuasakan arahan tersebut pada bangunan milik swasta. “Kita berharap menjelang 2013, semua bangunan swasta dapat mengikut peraturan yang ditetapkan pada bangunan kerajaan itu,” katanya. Beliau berkata pada mesyuarat itu juga, Perdana Menteri meminta semua jabatan kerajaan menukar penggunaan mentol lampu sedia ada kepada penggunaan jenis mentol lampu yang lebih cekap tenaga secara berperingkat. Perdana Menteri juga mengarahkan supaya pelan hala tuju teknologi hijau secara terperinci disediakan bagi membantu perkembangan teknologi hijau di negara ini, katanya.

Mengenai komitmen kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2020, Uggah berkata usaha itu berjalan lancar dan mampu mencapai sasaran yang ditetapkan. “Setakat ini, kami telah mengurangkan tahap intensiti karbon sebanyak 29.7 juta tan metrik. Untuk memenuhi sasaran 40 peratus, kita perlu mengurangkannya sebanyak 40 juta tan metrik. Ini merupakan sumbangan kita kepada usaha global bagi perubahan iklim dunia,” katanya. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/08/12/bangunan-kerajaan-diarah-tetapkan-suhu-pendingin-hawa-24-darjah-celsius/#ixzz3oMvY25k7>

### **30 sekolah akan dipilih jalani projek tenaga solar, kata Chin**

December 18, 2011, Sunday

SEKINCHAN: Sebanyak 30 sekolah khususnya di kawasan luar bandar akan dipilih tahun depan untuk menjalani projek tenaga solar dalam usaha membangun dan mempromosikan keupayaan teknologi sumber tenaga diperbaharui itu. Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui (gambar) berkata, projek itu akan dilaksanakan penjana tenaga bebas (IPP) dengan pembiayaan menerusi dana Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) di bawah kendalian kementerian. “Projek ini akan dijalankan di 30 sekolah terpilih mulai tahun depan, didahului sebuah sekolah di Parlimen Sungai Besar,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Komuniti Hijau

Peringkat Selangor bertemakan '1 Hijau 1 Komuniti' anjuran kementerian berkenaan di sini, semalam.

Peter Chin berkata, tenaga solar yang dihasilkan di sekolah itu kelak akan disalurkan menerusi talian kabel Tenaga Nasional Berhad untuk dijual kepada syarikat utiliti itu. Peter Chin menarik perhatian bahawa lima buah sekolah di negara ini telah menjalani projek perintis tenaga solar itu sebelum ini. Mengenai program semalam, menteri itu berkata, ia merupakan usaha kementerian untuk mendidik dan memberi penerangan kepada masyarakat mengenai kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar. Beliau berkata, pelbagai insentif kewangan turut disediakan bagi menggalakkan syarikat swasta mengambil langkah serius mengamalkan aplikasi teknologi hijau dalam penghasilan produk dan perkhidmatan mereka. — Bernama

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/12/18/30-sekolah-akan-dipilih-jalani-projek-tenaga-solar-kata-chin/#ixzz3oMvmeOWc>